

"SESUNGGUHNYA syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab (meminum) arak dan (bermain) judi dan menghalangi kamu daripada mengingat Allah dan mengerjakan sembahyang, maka tidakkah kamu mahu berhenti (daripada melakukan perbuatan keji itu)?"
 Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Maidah, ayat 91.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP MENTERI KESIHATAN REPUBLIK INDONESIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Budi Gunadi Sadikin di Istana Nurul Iman. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3)

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
 Pelita Brunei | www.pelita-brunei.gov.bn

Berita Utama



PERANAN wanita sebagai pencetus hijrah

Muka 7



MENINGKATKAN kesedaran, penghayatan masyarakat terhadap kepentingan kebersihan

Muka 8



MEMPERKUKUHKAN kualiti penjagaan kesihatan, tingkatkan kapasiti makmal

Muka 9

45 warga Kementerian Kewangan terima Pingat Kerja Lama

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Jun. - Kementerian Kewangan petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun bagi Tahun 2025.

Majlis berkenaan diadakan di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, di sini.

>> Muka 7

Sambutan Ilal Hijrah terus disemarakkan

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Sabtu, 20 Jun. - Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) serta jabatan-jabatan di bawahnya pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KEPI, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti Ceramah Khas sempena Ilal Hijrah bertajuk 'Sabar dan Reda : Serupa Tapi Tak Sama' yang disampaikan oleh Pengasas Syarikat Sofwah, Awang Muhammad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 5

Penandatanganan MoU perkukuh kerjasama bidang kesihatan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman

JERUDONG, Sabtu, 20 Jun. - Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kementerian Kesihatan Republik Indonesia hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding - MoU) dalam bidang kerjasama kesihatan pada satu majlis yang berlangsung di Bilik Persidangan, The Empire Brunei.

MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Manakala pihak Kerajaan Republik Indonesia diwakili oleh Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Budi Gunadi Sadikin.

>> Muka 6



MERAH rezeki melalui kek batik

Muka 20

NBD komited memajukan profesion perakaunan selaras keperluan ekonomi moden

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
dan Selamat Pagi Semua

ADALAH suatu penghormatan dan kegembiraan bagi saya untuk bersama-sama dengan awda pada pagi ini bagi perasmian Forum dan Pameran Perakaunan 2026 yang julung kali diadakan dengan tema 'Redefining the Profesion : Shaping the Future of Accounting in Brunei Darussalam'.

Saya sangat mengalu-alukan dan memuji kerjasama antara Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) dalam menganjurkan acara ini serta melibatkan para akauntan dan pelbagai pihak berkepentingan untuk berkongsi perspektif masing-masing supaya kita dapat terus memperkukuhkan pemahaman mengenai keperluan untuk memajukan perkhidmatan perakaunan di negara ini serta peluang-peluang dalam sektor ini.

Saya juga berharap acara julung kali diadakan ini bukan sekadar satu inisiatif sekali sahaja tetapi menjadi permulaan kepada platform yang lebih kukuh dan berterusan yang akan terus mengangkat profesion perakaunan di negara kita untuk tahun-tahun yang akan datang.

Apabila orang ramai memikirkan tentang akauntan, mereka sering memikirkan lembaran hamparan, audit dan pematuhan. Namun realitinya pada hari ini jauh lebih dinamik daripada itu. Jika awda ingin memahami nilai sebenar apa yang dilakukan oleh akauntan, mungkin awda patut menonton drama Korea 'The Auditors' atau

filem Amerika Syarikat 'The Accountant'. Walau bagaimanapun, saya perlu menambah, janganlah mengharapkan setiap akauntan menyelesaikan konspirasi yang rumit atau melakukan semua babak aksi yang luar biasa di pejabat.

Namun di sebalik hiburan tersebut, terdapat satu hakikat penting. Akauntan ialah profesional yang dipercayai untuk melindungi institusi, mengesan risiko, memperkukuhkan tadbir urus dan menyokong keputusan-keputusan penting. Realitinya, profesion berkenaan jauh daripada berada 'di belakang tabir'. Ia berada tepat di tengah-tengah bagaimana ekonomi moden berfungsi, cuma dengan sedikit kurang adegan kejar-mengejar kereta yang dramatik.

Tema pameran kita pada hari ini merupakan satu seruan untuk mencabar dan mentakrif semula masa depan profesion perakaunan di Negara Brunei Darussalam (NBD). Saya dimaklumkan bahawa pada masa ini hanya terdapat 21 akauntan awam berdaftar yang diberi kuasa untuk menandatangani laporan audit dan sekitar 30 organisasi yang diketahui menyediakan perkhidmatan simpan kira, sedangkan jumlah syarikat berdaftar yang memerlukan akaun kewangan mereka diaudit hampir mencecah 11,000 syarikat. Statistik ini menunjukkan ketidakseimbangan yang ketara dalam kapasiti profesional dalam landskap perakaunan.

Kekurangan akauntan profesional tempatan ini sangat membimbangkan kerana ia menimbulkan risiko yang serius kepada perniagaan dan ekonomi. Tanpa akauntan untuk menyediakan penyata kewangan dan juruaudit untuk mengesahkan penyata kewangan secara

tepat pada masanya, ia akan menyebabkan kelewatan dalam pelaporan kewangan dan meningkatkan risiko pematuhan seperti kelewatan pemfailan cukai, selain menafikan peluang perniagaan untuk merancang strategi mereka lebih awal.

Sebagai sebuah negara yang berusaha menarik lebih banyak pelabur langsung asing ke NBD, kelewatan pemfailan cukai atau pelaporan memberikan isyarat ketidakstabilan dan akan menghalang pelabur serta pemberi pinjaman yang berpotensi, selain semestinya memperlahankan akses kepada modal. Lebih daripada itu, kualiti audit juga berpotensi terjejas apabila para akauntan mengalami kesukaran untuk menyiapkan jumlah kerja audit yang semakin meningkat bagi pelanggan dalam tempoh masa yang lebih singkat, yang berpotensi mengakibatkan kesan sampingan seperti keletihan awal dan meninggalkan profesion tersebut.

Sebelum kita melangkah lebih jauh, izinkan saya mengiktiraf pencapaian utama Majlis Piawaian Perakaunan Brunei Darussalam dalam mengguna pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) bagi entiti berkepentingan awam serta pengeluaran Piawaian Perakaunan Brunei Darussalam bagi Entiti Berkepentingan Bukan Awam. Saya juga gembira mengetahui bahawa dengan penguatkuasaan Akta Perakaunan, kita telah menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan Akauntan Awam untuk mengawal selia Perkhidmatan Perakaunan Awam di NBD. Pada peringkat antarabangsa, NBD telah menandatangani Perjanjian Pengiktirafan Bersama ASEAN mengenai Perkhidmatan Perakaunan yang



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Forum dan Pameran Perakaunan 2026 pada Selasa, 12 Mei 2026 yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Terjemahan daripada teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Dayang Marlinawaty Hussin

memudahkan mobiliti perkhidmatan perakaunan di seluruh negara anggota ASEAN. Pencapaian ini dengan jelas menunjukkan komitmen NBD untuk mematuhi amalan dan piawaian terbaik antarabangsa.

>> Muka 5

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	ISNIN	6	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
23	SELASA	7	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.50	6.35	7.51
24	RABU	8	4.36	4.46	6.10	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
25	KHAMIS	9	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
26	JUMAAT	10	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
27	SABTU	11	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
28	AHAD	12	4.37	4.47	6.11	6.36	12.25	3.50	6.36	7.51

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	32 25 °C	34 25 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C	32 25 °C	34 25 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	32 25 °C	34 25 °C	
Kuala Belait			
33 25 °C	32 25 °C	34 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

22 JUN 2026

Kerjasama bersepadu cegah denggi

PENYAKIT denggi merupakan salah satu penyakit berjangkit yang menjadi ancaman serius kepada kesihatan masyarakat. Penyakit ini disebabkan oleh virus denggi yang disebarkan melalui gigitan nyamuk Aedes. Oleh kerana nyamuk ini mudah membiak di kawasan-kawasan takungan air, kes denggi sering meningkat ketika musim hujan. Oleh itu, masyarakat perlu peka betapa bahaya penyakit ini serta mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk membanteras penularannya.

Denggi boleh menyerang sesiapa sahaja tanpa mengira umur atau jantina. Antara gejala yang dialami disebabkan denggi, termasuklah demam panas, sakit kepala, sakit otot, mual, muntah dan ruam. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil pesakit boleh mengalami denggi yang teruk seperti pendarahan gusi, hidung atau muntah berdarah, sakit perut yang teruk, keletihan, kelemahan.

Ke arah pencegahan penyakit denggi ini, kerjasama semua pihak sangat dititikberatkan dan langkah yang perlu diambil adalah memastikan persekitaran kita bersih dan terjamin agar nyamuk tidak membiak.

Sepertimana yang ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Denggi ASEAN 2026 pada 15 Jun yang lalu, pendekatan bersepadu yang mampan, disokong oleh pengawasan penyakit denggi yang proaktif, pengurusan vektor nyamuk secara menyeluruh, serta penglibatan aktif semua pihak berkepentingan termasuk masyarakat, di samping tindak balas yang pantas dan berkesan, merupakan elemen penting dalam memperkukuhkan pengurusan, pencegahan dan kawalan penyakit denggi secara berkesan dan berkekalannya di seluruh Negara Anggota ASEAN.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuhkan usaha pemantauan dan kawalan penyakit bawaan nyamuk. Ini termasuk meningkatkan kesiapsiagaan sistem kesihatan dan pemantauan penyakit bawaan nyamuk, pemantauan vektor nyamuk, mempertingkatkan kesedaran orang awam dalam semua peringkat umur termasuk murid-murid sekolah dan orang dewasa, serta memperluaskan kerjasama dengan pelbagai agensi dan orang ramai dalam usaha mengawal jangkitan penyakit denggi.

Secara kesimpulannya, penyakit denggi merupakan masalah kesihatan yang memerlukan perhatian dan kerjasama semua pihak. Pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan. Dengan menjaga kebersihan persekitaran, menghapuskan tempat pembiakan nyamuk, serta meningkatkan kesedaran masyarakat, penularan penyakit denggi dapat dikurangkan. Usaha yang berterusan dan sikap bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat akan membantu mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan bebas daripada ancaman denggi. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دريتكن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرين ت قلس سندیین برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan menerima mengadap Menteri Kesihatan Republik Indonesia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Budi Gunadi Sadikin (atas dan kiri).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 20 Jun. - Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Budi Gunadi Sadikin.

Tuan Yang Terutama Menteri Kesihatan Republik Indonesia berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan kerja selama satu hari bagi memperkukuh hubungan dua hala dalam bidang-bidang berkepentingan bersama, khususnya sektor

kesihatan.

Lawatan tersebut memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan, memperkasa pembangunan kapasiti tenaga kerja kesihatan serta perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik antara kedua-dua negara.

Sebagai sebahagian daripada lawatan tersebut, Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang kerjasama kesihatan telah ditandatangani antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia yang mencerminkan komitmen kedua-dua negara untuk memperkukuh kerjasama dalam pembangunan dan penambahbaikan sistem kesihatan demi kepentingan bersama.

Tuan Yang Terutama juga mengadakan lawatan ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Menyertai Tuan Yang Terutama pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah; dan Timbalan Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Yang Mulia Yuli Farianti.

Turut hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Tuan Yang Terutama Menteri Kesihatan Republik Indonesia.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP PERPISAHAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland yang akan menamatkan perkhidmatan.

JERUDONG, Sabtu, 20 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat (AS) ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland yang akan menamatkan perkhidmatan.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Izzah, di sini.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen merakamkan penghargaan kepada Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland atas sumbangan Puan Yang Terutama dalam memperkukuh lagi persahabatan yang sekian lama terjalin serta kerjasama erat antara NBD dan AS.

Sepanjang tempoh perkhidmatan PYT, kerjasama kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang telah terus dipertingkatkan termasuk

pertahanan, pendidikan, perdagangan dan pelaburan, serta pertukaran di antara rakyat.

PYT telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.

PRAPELANCARAN TAHUN MELAWAT BRUNEI 2027 DILANCARKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berangkat ke Majlis Prapelancongan Tahun Melawat Brunei 2027 (atas dan kanan).

JERUDONG, Sabtu, 20 Jun. - Majlis Prapelancongan Tahun Melawat Brunei 2027

(Pre-Launch Ceremony Visit Brunei Year 2027) telah berlangsung dengan jayanya malam tadi di Jerudong Park Garden, sebagai langkah awal dalam memperkenalkan dan mempromosi kempen pelancongan negara menjelang Tahun Melawat Brunei 2027.

Majlis Prapelancongan Tahun Melawat Brunei 2027 telah diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah dijunjung oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shahrhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Tahun Melawat Brunei 2027 dan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah berkenan mendengarkan sembah penerangan (atas). Sementara gambar bawah kanan, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia berangkat ke Majlis Santap. Manakala gambar bawah kiri dan bawah tengah, persembahan khas yang menampilkan lagu tema rasmi dan video destinasi Tahun Melawat Brunei 2027 serta maskot Tahun Melawat Brunei 2027.



Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Majlis dimulakan dengan persembahan tarian kebudayaan diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya antara lain menekankan kepentingan Tahun Melawat Brunei 2027 sebagai satu inisiatif seluruh negara yang bertujuan untuk memperkukuh sektor pelancongan, menyokong kepelbagaian ekonomi serta mengetengahkan identiti unik Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada dunia.

Yang Berhormat dalam sembahnya turut menegaskan pentingnya kerjasama erat antara agensi kerajaan, pemain industri, komuniti tempatan dan rakan strategik dalam memastikan kejayaan kempen berkenaan.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat menggalakkan semua pihak berkepentingan untuk memainkan peranan aktif dalam mencipta pengalaman yang bermakna dan tidak dapat dilupakan bagi para pelawat, serta menampilkan yang terbaik dari NBD kepada khalayak serantau dan antarabangsa.

"Hasrat kita bukan sahaja untuk menarik lebih ramai pelancong antarabangsa, malah untuk menggalakkan rakyat NBD mengenali semula keindahan negara sendiri.

"Orang ramai diseru untuk meneroka destinasi di luar tarikan yang sudah dikenali, tempat tarikan yang belum diterokai, menyokong perniagaan tempatan serta menghayati keunikan cerita dan pengalaman yang terdapat di keempat-empat daerah di NBD," sembah Yang Berhormat lagi.

Acara kemuncak majlis berkenaan ialah upacara perasmian yang disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia, dengan logo rasmi dan maskot Tahun Melawat Brunei 2027, 'Awang' dan 'Dayang', telah diperkenalkan kepada umum. Pengenalan logo dan maskot berkenaan menandakan permulaan usaha promosi secara menyeluruh bagi kempen pelancongan kebangsaan berkenaan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Para tetamu kemudiannya menyaksikan persembahan khas yang menampilkan lagu tema rasmi dan video destinasi Tahun Melawat Brunei 2027, yang mengetengahkan kekayaan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



budaya, keindahan alam semula jadi yang terpelihara serta pelbagai pengalaman pelancongan yang ditawarkan oleh NBD.

Majlis berkenaan diakhiri dengan pertunjukan dron yang menakjubkan, memaparkan logo dan maskot Tahun Melawat Brunei 2027 serta beberapa destinasi dan mercu tanda ikonik NBD, sekali gus menambahkan kemeriahan majlis berkenaan.

DYTM dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri juga berkenan berangkat menyaksikan Pameran Kalendar Acara Tahun Melawat Brunei 2027 yang menampilkan Sambutan Jubli Intan sebagai antara acara kemuncak sepanjang tahun berkenaan, selain memberikan gambaran awal mengenai pelbagai acara pelancongan, kebudayaan, sukan, gaya hidup dan perniagaan yang dijadualkan berlangsung sepanjang 2027.

Kalendar acara yang komprehensif berkenaan kini sedang dalam peringkat penyediaan dan akan dipromosi melalui pelbagai saluran di dalam dan luar negara, sekali gus menawarkan pelbagai tarikan kepada para pelawat untuk meneroka serta menikmati pengalaman unik di NBD sepanjang tahun berkenaan.

Majlis Prapelancongan berkenaan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Tahun Melawat Brunei 2027; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Tahun Melawat Brunei

2027, para duta besar dan pesuruhjaya tinggi, rakan strategik, pihak berkepentingan dalam sektor pelancongan dan wakil-wakil media.

Majlis berkenaan menandakan permulaan siri inisiatif kempen promosi di dalam dan luar negara menjelang 2027. Susulan Majlis Prapelancongan berkenaan, NBD akan meneruskan usaha pemasaran di Travel Meet Asia 2026 di Jakarta, Republik Indonesia pada 23 hingga 24 Jun 2026 dan NBD telah dilantik sebagai Rakan Destinasi Rasmi.

Acara berkenaan akan menjadi platform penting untuk memperkenalkan Tahun Melawat Brunei 2027 kepada pihak berkepentingan pelancongan serantau dan antarabangsa, di samping memperkukuh kerjasama serta mempromosi NBD sebagai destinasi pilihan di Asia Tenggara.

Tahun Melawat Brunei 2027 mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuh sektor pelancongan sebagai salah satu penyumbang utama kepada kepelbagaian ekonomi, di samping meningkatkan keterlihatan serta daya saing NBD dalam landskap pelancongan global.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tahun Melawat Brunei 2027 dan tawaran pelancongan di NBD, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi Brunei Tourism atau mengikuti @info.brunetourism di media sosial.



Sambutan Ilal Hijrah terus disemarakkan



>> Muka 1

Majlis sambutan tahunan yang diselenggarakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Ekonomi,

Perdagangan dan Industri berkenaan antara lain diadakan bagi menyemarakkan lagi hari-hari kebesaran Islam, di samping mengeratkan ukhuwah dalam kalangan warga

kementerian serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Juga hadir, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Siti Rokiah Abdullah

YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah (kiri). Manakala gambar kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Pengasas Syarikat Sofwah, Awang Muhammad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit.



Wahab; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, serta pegawai dan kakitangan dari Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

MOF MEMPERINGATI, MEMBESARKAN SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1448



YANG Berhormat Menteri Kewangan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 (kiri), manakala gambar kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Ketua Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Isham bin Awang Ismail. Sementara gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Jun. - Kementerian Kewangan (MOF) telah mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 pada hari ini, bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman

Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Pemangku Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB); Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei; ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Satu Ceramah Khas yang bertajuk 'Hijrah Penyelamat Akidah' telah disampaikan oleh Ketua Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Isham bin Awang Ismail.

Majlis seumpama berkenaan adalah merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan Kementerian Kewangan yang bertujuan untuk memperingati dan membesarkan Sambutan



Ilal Hijrah 1448, di samping mengeratkan silaturahmi di antara pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Kementerian Kewangan.

HALUAN

NBD komited memajukan profesion perakaunan selaras keperluan ekonomi moden

>> Muka 2

Perakaunan secara tradisinya ditakrifkan sebagai penyimpanan atau penyediaan rekod kewangan serta analisis, pengesahan dan pelaporan rekod tersebut. Namun dalam dunia yang berubah dengan pantas pada hari ini, perakaunan kini perlu melakukan lebih daripada itu terutama ketika ekonomi memanfaatkan Kecerdasan Buatan (AI) untuk melaksanakan tugas.

AI boleh mentransformasikan data dan menyediakan

pandangan yang lebih mendalam terhadap integriti kewangan utama; menterjemahkan data yang kompleks kepada maklumat perniagaan yang boleh diambil tindakan serta membebaskan para profesional daripada kerja rutin untuk meneliti dan melaksanakan tugas strategik seperti ramalan kewangan yang menyumbang kepada strategi perniagaan keseluruhan. Dalam hal ini, penggunaan AI akan terus meluaskan skop kerja yang boleh dilaksanakan oleh seorang

akauntan pada hari ini.

Bagi mempersiapkan generasi kita menghadapi transformasi digital ini, kerajaan dan pemain industri perlu bekerjasama untuk melengkapkan para pelajar kita dengan set kemahiran yang relevan bagi memenuhi permintaan industri serta menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam mentransformasikan NBD menjadi sebuah negara yang diiktiraf kerana rakyatnya yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran.

Untuk mencapai perkara tersebut, ia memerlukan usaha yang berterusan dan penyertaan daripada semua pihak berkepentingan dan forum serta pameran pada hari ini melambangkan kerjasama yang kukuh dalam memperteguhkan pembangunan profesion perakaunan di NBD.

Saya menyeru agar kerjasama ini diteruskan dengan memberi tumpuan kepada peningkatan perkhidmatan perakaunan di NBD dan menyokong aspirasi NBD sebagai sebuah

ekonomi yang dinamik dan mampan. Saya dengan ikhlas berharap semua yang mengambil bahagian dalam acara tahun ini akan beroleh manfaat daripada perbincangan yang bermakna dan membuahkan hasil sebagai sebahagian daripada sumbangan kita kepada profesion perakaunan dan komitmen kita untuk Wawasan Brunei 2035.

Terima kasih dan Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KEKAL ISTIQAMAH, BERTERUSAN DALAM MEMPERBAIKI DIRI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 yang dianjurkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, KHEDN.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Bertemakan 'Hijrah Penyelamat Akidah', majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Dari Niat Ke Tindakan, Menjayakan Hijrah Kehidupan' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Antara inti pati dalam ceramah berkenaan mengingatkan bahawa hijrah yang sebenar bukan sekadar mempunyai niat atau keinginan untuk berubah tetapi memerlukan tindakan yang nyata, istiqamah dan berterusan dalam memperbaiki diri serta melaksanakan amanah dengan penuh integriti.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Belimbing Subok, Pengiran Mohammad Akbar@Pengiran Mohammad Idrus bin Pengiran Haji Mohd. Sabri.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Setiausaha Tetap, KHEDN; ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai kanan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta pegawai-pegawai dan kakitangan JIPK.



Penandatanganan MoU perkukuh kerjasama bidang kesihatan



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Penandatanganan MoU berkenaan menandakan satu langkah penting dalam memperkukuh hubungan kerjasama dua hala yang telah lama terjalin antara NBD dan Republik Indonesia, khususnya dalam bidang kesihatan.

MoU berkenaan juga memperbaharui kerjasama rasmi dalam bidang kesihatan antara kedua-dua buah negara serta menyediakan rangka kerja yang lebih komprehensif bagi memperluas kerjasama strategik pada masa hadapan.

Melalui MoU berkenaan, kedua-dua buah negara bersetuju untuk memperkukuh kerjasama dalam beberapa bidang keutamaan

yang telah dikenal pasti, termasuk penjagaan kesihatan asasi, perkhidmatan penjagaan kesihatan, daya tahan kesihatan, sistem pembiayaan kesihatan, sumber-sumber tenaga manusia untuk kesihatan dan teknologi kesihatan.

MoU berkenaan mencerminkan komitmen bersama kedua-dua buah negara untuk terus memperkukuh sistem kesihatan masing-masing menerusi kerjasama yang saling memberi manfaat, di samping menyokong usaha serantau dan global dalam meningkatkan tahap kesihatan serta kesejahteraan rakyat.

Turut hadir menyaksikan majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr.

Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua pengarah, pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Bagi pihak Republik Indonesia, antara yang hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah; Timbalan Menteri/Ketua Pengarah Tenaga Kerja Kesihatan, Yuli Farianti; Presiden Pengarah Hospital Surabaya, Martha M.L. Siahaan; Pengarah Pusat Strategi Kesihatan Global dan Dasar Tadbir Urus, Harditya Suryawanto; serta Pembantu Eksekutif kepada Menteri Kesihatan, Palmy Meliala.



MOU berkenaan telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Manakala pihak Kerajaan Republik Indonesia diwakili oleh Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Budi Gunadi Sadikin (atas dan kiri).




BDMD
 Brunei Darussalam
 Meteorological
 Department



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat


 bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

45 WARGA KEMENTERIAN KEWANGAN TERIMA PINGAT KERJA LAMA

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri Kewangan II hadir bagi menyempurnakan penyampaian Pingat Kerja Lama kepada para penerima pada Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat Kerja Lama (P.K.L.) (atas dan atas kanan).

>> Muka 1

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian pingat-pingat berkenaan ialah Menteri

Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah. Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran



Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Pemangku Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad

Tsuufiy bin Haji Abdul Wahab, dan diteruskan dengan penyampaian P.K.L. oleh tetamu kehormat majlis.

Seramai 45 orang telah menerima P.K.L. terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di bawahnya termasuk pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan jasa kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun serta mengenang jasa dan bakti yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.

Peranan wanita sebagai pencetus hijrah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

TUTONG, Ahad, 21 Jun. - Wanita memainkan peranan penting sebagai ibu, isteri, anak dan saudara perempuan dalam mencetuskan perubahan positif dalam sesebuah keluarga. Antara peranan wanita sebagai pencetus hijrah dalam keluarga ialah membina suasana rumah yang berteraskan iman, menjadi pendidik yang ber hikmah serta memperkukuhkan amalan berdoa demi kesejahteraan keluarga.

Perubahan yang bermula daripada diri sendiri seperti menjaga sembahyang, mendekati Al-Quran dan memperbaiki akhlak mampu memberi kesan positif kepada seluruh ahli keluarga.

Walaupun usaha membawa keluarga ke arah kebaikan kadangkala berdepan cabaran, para wanita diseru agar terus bersabar, istiqamah dalam memberi teladan yang baik serta tidak putus berdoa kerana hidayah adalah milik Allah Subhanahu

Wata'ala.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Wanita Sebagai Pencetus Hijrah Dalam Keluarga' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Nur Hasyimah binti Haji Mohd. Yassin bagi menyerikan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-36 anjuran KHEU Kali Ke-234, baru-baru ini dari Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Daerah Tutong.

Menyemarakkan Program Malam Munajat minggu ini ialah para Muslimah dan jemaah Masjid Hassanal Bolkiah serta beberapa lagi masjid di seluruh negara. Turut menyertai, warga kerja wanita di bawah KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara program berkenaan dimulakan dengan bacaan

Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), KHEU, Dr. Dayang Noryati binti Haji Ibrahim, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Pentadbiran, JHES, KHEU, Dayang Suhana@Syifa Hannani binti Haji Abd. Hamid.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Ugama, Bahagian Khidmat Ugama, Nasihat Keluarga, JHES, KHEU, Dayang Normasuzannah binti Awang Badarudin.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli

dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Penolong Pegawai Penyiasatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penguatkuasaan Ugama, JHES, KHEU, Dayang Norlee Rohaini binti Md Daud. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Ugama, Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES, KHEU, Dayang Hazimah binti Haji Aji.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan

menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : <http://tiny.cc/munajatkheu>.



MALAM Munajat Khas untuk Wanita Ke-36 baru-baru ini dari Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Daerah Tutong. Turut menyertai, warga kerja wanita di bawah KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Peranan Belia dalam Pembangunan Negara'. Tarikh Tutup : 24 Jun 2026
- 'Keselamatan Data Peribadi dalam Era Digital'. Tarikh Tutup : 1 Julai 2026
- 'Hijrah: Mengubah Diri, Mengubah Dunia'. Tarikh Tutup : 8 Julai 2026

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

AWANG MOHAMAD RIZAL CALON KETUA KAMPUNG BATONG



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara yang juga selaku Pengerusi Majlis dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, selaku wakil Daerah Zon 5 dan juga Ketua Kampung Putat serta selaku Pengerusi Bersama Majlis hadir pada majlis berkenaan (atas kiri), sementara gambar atas dan bawah, penduduk kampung hadir pada pengundian tersebut.

MUKIM PENGKALAN BATU, Ahad, 21 Jun. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Batong, Mukim Pengkalan Batu telah berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu, di sini, dengan menggunakan kaedah kertas undi. Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada 19 Jun 2026 yang lalu.

Antara yang hadir ke majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim yang juga selaku Pengerusi Majlis dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, selaku wakil Daerah Zon 5 dan juga Ketua Kampung Putat serta selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat IV, Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong, Awang Julherime bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Batong menyaksikan Awang Mohamad Rizal bin Haji Johari mendapat sebanyak 192 undian setuju, satu undian tidak setuju dan tidak ada undian rosak.

Awang Mohamad Rizal, berusia 50 tahun semasa tarikh tutup iklan pada tahun 2025 dan mempunyai kelulusan Sijil Latihan dalam Perguruan, diiktiraf sebagai sebanding dengan kelulusan pada tahap 4 Diploma Kebangsaan dalam Kerangka Kelayakan Negara Brunei Darussalam.

Beliau pada masa ini berkhidmat sebagai Guru Ugama Terlatih, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dalam pada itu, beliau juga aktif menjadi Ahli Badan Agama Majlis

Perundingan Kampung Pengkalan Batu dan juga pernah menjadi Ahli Ketua Belia Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong pada tahun 2014. Selain itu, insan ini juga pernah menjadi Ahli Pelapis Bilal Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong pada tahun 2014.

Pencalonan Awang Mohamad Rizal telah dicadangkan oleh Dato Paduka Haji Sahak@Ishaaq bin Haji Abdullah dan disokong oleh Awang Yusup bin Haji Jahat selaku penyokong pertama serta Awang Haji Md. Saudian bin Haji Damit selaku penyokong kedua.

Turut hadir, penghulu mukim, pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku-pemangku ketua kampung di bawah tadahan Daerah Zon 5 khususnya Mukim Pengkalan Batu dan Mukim Sengkurong serta penduduk Kampung Batong.

Berita dan Foto : Nurdianah Rajami

Sehubungan itu, keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin

dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.



Meningkatkan kesedaran, penghayatan masyarakat terhadap kepentingan kebersihan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BELAIT, Ahad, 21 Jun. — Sejar dengan inisiatif kerajaan dalam menangani isu kebersihan di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi menganjurkan Kempen Kebersihan 2026, bertempat di tapak penurunan dan penaikan perahu, Kampung Lumut serta Taman Rekreasi Pantai Lumut, Daerah Belait.

Majlis pelancaran kempen telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir menyertai kempen berkenaan, pegawai kanan, pegawai serta kakitangan KHEU, bersama para belia dan beliawanis dari Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, di samping ahli majlis perundingan



KEMPEN Kebersihan 2026, bertempat di tapak penurunan dan penaikan perahu, Kampung Lumut serta Taman Rekreasi Pantai Lumut, Daerah Belait yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap KHEU (atas dan kiri).

kampung serta penduduk Kampung Sungai Taring dan Kampung Lumut, Daerah Belait.

Melalui aktiviti seumpama berkenaan, KHEU berhasrat memperkukuh kesedaran serta penghayatan masyarakat terhadap kepentingan kebersihan sebagai sebahagian daripada iman dan amalan harian.

Pada masa yang sama, ia juga

bertujuan mengeratkan silaturahim antara pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kementerian dengan para penduduk Kampung Sungai Taring dan Kampung Lumut.

Kempen Kebersihan 2026 berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Pentadbiran dan Unit Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar

(HSSE), KHEU serta kerjasama Ketua Kampung Sungai Taring, Kampung Lumut Daerah Belait dan penduduknya.

Turut sama memberikan sokongan ialah Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan; serta Jabatan Perikanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

MEMAJUKAN PERUBATAN MAKMAL, INOVASI DIAGNOSTIK

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



TUNGKU LINK, Sabtu, 20 Jun. - Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Shenzhen New Industries Biomedical Engineering Co. Ltd. (Snibe) hari ini telah membuka tirai Simposium UBD-Snibe 2026 bertempat di Pro-Chancellor Arts Centre, UBD, di sini.

Penganjuran simposium yang bertemakan 'Advances in Clinical Chemistry and Immunoassay Technologies' berkenaan antara lain bertujuan untuk membincangkan perkembangan yang baru muncul (*emerging developments*) dalam sains



UCAPTAMA bertajuk 'Interferences in Immunoassay Analysis' yang disampaikan oleh Profesor Madya (Associate Professor) Dr. Murat Cihan dari Memorial Health Group, Haliç University Faculty of Medicine.

diagnostik dan perubatan makmal.

Simposium yang berlangsung selama dua hari sehingga 21 Jun 2026 tersebut dianjurkan dengan sokongan dari RTCT Diagnostics dan International Federation of Clinical Chemistry and Laboratory Medicine (IFCC), diadakan bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun (MYCE) Brunei.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis perasmian simposium berkenaan ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Acara berkenaan telah disertai oleh lebih 100 peserta daripada seluruh Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rantau ini sekali gus menghimpunkan golongan penyelidik, pakar klinikal (*clinicians*), profesional makmal, penggubal dasar, ahli akademik, pelajar dan pakar industri.

Terdahulu, simposium telah menyaksikan ucapan alu-aluan

daripada Pengerusi Simposium UBD-Snibe 2026 dan Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian) di PAPRSB IHS, Dr. Suwarni binti Haji Md. Diah dan diikuti dengan ucapan perasmian oleh Lucy Liu selaku Pengerusi Bersama Simposium UBD-Snibe 2026 dan juga Naib Presiden Perniagaan Antarabangsa di Snibe.

Sejurus sesi perasmian oleh tetamu kehormat majlis, acara diikuti dengan persembahan kebudayaan yang dipersembahkan oleh Kelab Tarian Kebudayaan UBD dan bergambar ramai.

Seterusnya diikuti dengan ucapatama bertajuk 'Interferences in Immunoassay Analysis' yang disampaikan oleh Profesor Madya (Associate Professor) Dr. Murat Cihan dari Memorial Health Group, Haliç University Faculty of Medicine.

Simposium itu menandakan satu peristiwa penting sebagai simposium saintifik pertama yang dianjurkan bersama oleh UBD dan Snibe di NBD.

Dengan membina perkongsian strategik yang diwujudkan melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada Januari 2025 antara UBD dan Snibe, acara itu mencerminkan komitmen bersama untuk mengukuhkan kerjasama dalam kalangan ahli akademik, institusi penjagaan kesihatan, penggubal dasar dan rakan kongsi industri untuk memajukan perubatan makmal dan inovasi diagnostik.

Inisiatif utama di bawah MoU tersebut termasuklah program pertukaran pelajar dan kakitangan, peluang latihan amali, projek penyelidikan bersama dalam inovasi bioperubatan, dan program latihan khusus dalam diagnostik



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan Majlis Perasmian Simposium UBD-Snibe 2026.

bioperubatan lanjutan, meletakkan asas untuk pembinaan kapasiti yang mampan dan kemajuan saintifik di rantau ini.

Menerusi simposium ini, ia menampilkan pembentangan oleh pakar terkenal antarabangsa mengenai *immunoassay technologies*, *laboratory automation*, *biomarker discovery*, jaminan kualiti dan diagnostik untuk penyakit tidak berjangkit.

Para peserta juga berpeluang untuk meneroka terjemahan inovasi diagnostik ke dalam amalan klinikal, piawaian makmal, dan pembangunan tenaga kerja melalui perbincangan pakar dan sesi perkongsian pengetahuan.

Penganjuran simposium ini sememangnya memperkukuh lagi kerjasama akademik-industri, mempertingkatkan pemahaman tentang teknologi diagnostik yang baru muncul, dan menyokong pembinaan kapasiti dalam tenaga kerja makmal NBD.

Ia juga meletakkan asas untuk

perkongsian masa depan dalam penyelidikan, pembangunan profesional, dan inovasi penjagaan kesihatan.

Dalam ucapan penutup di acara berkenaan, Pengerusi Bersama Simposium UBD-Snibe 2026 dan Ketua Program bagi Program 'Biomedical Science' di PAPRSB IHS, Dr. Muhammad Hazim bin Haji Abdul Ghani antaranya melahirkan harapan agar hubungan profesional dan peluang kerjasama yang telah muncul daripada simposium ini berpotensi untuk memperkukuh penyelidikan, pendidikan, inovasi, dan penyampaian penjagaan kesihatan di peringkat nasional dan seterusnya.

Melalui simposium itu, UBD dan rakan-rakan kongsinya mengesahkan komitmen mereka untuk memajukan pengetahuan saintifik, memupuk kerjasama yang bermakna, dan menyokong kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan untuk manfaat NBD dan rantau yang lebih luas.

Memperkukuhkan kualiti penjagaan kesihatan, tingkatkan kapasiti makmal



SEKITAR Simposium UBD-Snibe 2026 yang mengambil tempat di Pro-Chancellor and Arts Centre, UBD.

TUNGKU LINK, Sabtu, 20 Jun. - Teknologi diagnostik yang tepat, boleh dipercayai dan inovatif memainkan peranan penting dalam meningkatkan penjagaan pesakit, membolehkan pengesanan penyakit awal dan menyokong keputusan klinikal berasaskan bukti.

Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), Simposium Universiti Brunei Darussalam (UBD)-Shenzhen New Industries Biomedical Engineering Co. Ltd.

(Snibe) 2026 ini sejajar dengan aspirasi negara kita untuk mengukuhkan kualiti penjagaan kesihatan, meningkatkan kapasiti makmal, dan membangunkan tenaga kerja penjagaan kesihatan yang *future-ready*.

Ia juga mengukuhkan peranan penting universiti seperti UBD dalam merapatkan inovasi saintifik, pendidikan, dan aplikasi penjagaan kesihatan praktikal.

Perkara berkenaan antara yang diutarakan oleh Pengerusi

Simposium UBD-Snibe 2026 dan Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian) di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), Dr. Suwarni binti Haji Md. Diah ketika menyampaikan ucapan alu-aluan semasa berlangsungnya Majlis Perasmian Simposium UBD-Snibe 2026 bertempat di Pro-Chancellor Arts Centre, UBD, pagi tadi.

Terdahulu, beliau antara lain berkata tema 'Advances in Clinical Chemistry & Immunoassay Technologies' sangat tepat dan relevan pada masa kini dengan landskap penjagaan kesihatan yang berkembang pantas.

Di seluruh dunia, sistem penjagaan kesihatan menghadapi cabaran yang semakin meningkat yang timbul daripada penyakit tidak berjangkit, jangkitan yang baru muncul, penuaan populasi dan permintaan yang semakin meningkat untuk ketepatan perubatan.

Dalam pada itu, Dr. Suwarni turut berkata simposium ini berfungsi sebagai platform perkongsian ilmu di mana perkongsian bermakna terbentuk, idea-idea inovatif dicetuskan, dan penyelesaian kolektif kepada cabaran penjagaan kesihatan yang boleh muncul.

"Saya harap simposium ini akan

memberi inspirasi berterusan kerjasama selepas sesi ini dan menyumbang secara positif kepada kemajuan penjagaan kesihatan di peringkat nasional dan serantau," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Bersama Simposium UBD-Snibe 2026 dan juga Naib Presiden Perniagaan Antarabangsa di Snibe, Lucy Liu semasa menyampaikan ucapan perasmian simposium berkenaan antaranya menekankan komitmen Snibe untuk mempromosikan inovasi teknologi, perkongsian akademik, dan transformasi klinikal dalam perubatan makmal melalui perkongsian mereka dengan UBD, dan menyatakan bahawa di Snibe, mereka akan terus meningkatkan penyelesaian diagnostik pintar, memperkasa pembinaan makmal tempatan, dan bersama-sama menjaga kesihatan dan kesejahteraan awam di seluruh NBD dan sekitarnya.

Terdahulu, beliau turut mengonggokkan di Snibe, mereka telah mendedikasikan untuk membangunkan penyelesaian diagnostik yang bukan sahaja kemajuan teknologi, tetapi juga praktikal, boleh diakses dan bermakna dalam *clinical settings*.

"Dengan selama tiga dekad dedikasi kepada industri diagnostik in-vitro, Snibe memfokuskan pada inovasi dalam *chemiluminescence*

immunoassay berterusan dan telah membina ekosistem 'Research and Development' (R&D) yang bebas sepenuhnya meliputi *reagents*, instrumen dan bahan mentah teras.

"Penyelesaian diagnostik kami yang boleh dipercayai sedang disediakan di 163 negara dan wilayah di seluruh dunia, dengan lebih daripada 40,000 sistem dipasang di seluruh dunia," ujarnya.

Didorong oleh keupayaan R&D yang bebas dan kukuh, Lucy Liu turut mengonggokkan Snibe terus memajukan kedua-dua strategi *globalization* dan *localization*.

Mereka telah mewujudkan sistem operasi yang matang di 14 negara utama termasuk Republik Indonesia, Malaysia, Thailand dan Republik Korea Selatan dan akan mengukuhkan lagi rangkaian sokongan global mereka dengan pelancaran 'Global Operation Centre' yang baharu pada tahun ini.

"Sejak kami melancarkan kempen global Snibe Day pada tahun 2022, kami telah mengadakan ratusan acara akademik di seluruh dunia, bekerjasama dengan lebih 100 persatuan perubatan dan pakar berbilang untuk mempromosikan global pertukaran pengetahuan dan kemajuan teknologi dalam perubatan makmal," ujar beliau.

MERAIKAN PENCAPAIAN CEMERLANG PELAJAR

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



TUTONG, Sabtu, 20 Jun. - Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Akademik bagi Peperiksaan BC-GCE 'O' Level/IGCSE, Program BTEC dan Program Pra-Vokasional Tahun 11 bagi Tahun 2025 telah diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Tanjong Maya, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri, yang seterusnya menyampaikan hadiah kepada para penerima.

Seramai 170 pelajar telah menerima anugerah kecemerlangan akademik sebagai penghargaan atas pencapaian cemerlang mereka dalam

peperiksaan BC-GCE 'O' Level/IGCSE, Program BTEC serta Program Pra-Vokasional Tahun 11 bagi sesi akademik 2025.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua Sekolah Menengah Tanjong Maya, Awang Eddy Nazrin bin Haji Seruji, yang antara lain menzahirkan penghargaan kepada para guru, ibu bapa dan penjaga atas sokongan serta komitmen berterusan dalam memastikan kejayaan para pelajar.

Beliau turut menekankan bahawa majlis berkenaan bukan sekadar upacara penyampaian sijil atau trofi, malah merupakan simbol

kesyukuran atas segala usaha keras, keringat dan disiplin yang telah dicurahkan oleh para pelajar sepanjang sesi persekolahan.

Awang Eddy Nazrin juga menjelaskan bahawa kejayaan yang dicapai pada hari ini adalah hasil sinergi yang kukuh antara pihak sekolah, guru-guru yang berdedikasi serta sokongan moral yang tidak berbelah bahagi daripada para ibu bapa dan penjaga.

Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru-guru yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan berkenaan.

"Komitmen dan dedikasi guru-guru dalam mendidik dengan penuh kesabaran merupakan aset yang amat berharga kepada sekolah.

"Selain itu, saya turut menzahirkan penghargaan kepada Insurans Islam TAIB General Takaful Sdn. Bhd. atas sumbangan tajaan yang telah menyemarakkan lagi semangat kecemerlangan dalam kalangan warga sekolah," ujarnya lagi.

Majlis berkenaan diadakan bertujuan untuk meraikan kejayaan para pelajar di samping menjadi pemangkin semangat kepada mereka untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Selain itu, ia juga merupakan tanda penghargaan kepada semua pihak yang telah memainkan peranan penting dalam perkembangan akademik para pelajar.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyampaikan hadiah kepada para penerima (atas). Manakala gambar kiri, antara ibu bapa / penjaga para murid yang diraikan yang hadir pada majlis tersebut. Sementara gambar bawah, sebahagian daripada atur cara pada majlis berkenaan.



Memperkasa amalan gaya hidup sihat



ANTARA yang hadir mendengarkan ceramah berkenaan (atas), manakala gambar kanan, sesi ceramah disampaikan oleh Profesor Dato' Dr. Noordin Darus dari Malaysia.

GADONG, Ahad, 21 Jun. - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) petang tadi menganjurkan ceramah bertajuk 'Sihat Sepanjang Hayat' yang berlangsung di SEAMEO VOCTECH, di sini.

Ceramah berkenaan dianjurkan dengan kerjasama Worldwide Wellness Network Enterprise, Brunei dan berjaya menarik penyertaan seramai 150 peserta.

Sesi ceramah disampaikan oleh Profesor Dato' Dr. Noordin Darus dari Malaysia.

Para peserta terdiri daripada ahli-ahli pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta wakil

agensi kerajaan yang berkaitan, antaranya Persatuan BASMIDA, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), Majlis Perniagaan Wanita, International Muslimah Halaqah, Kumpulan Muslimah Masjid Universiti Brunei Darussalam, Pertubuhan WARGAMAS, Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan lain-lain.

Ceramah berkenaan diadakan sempena memperingati Hari Bangsa-Bangsa Bersatu serta Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Dadah Haram.

Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali dalam ucapan alu-alunya

menjelaskan bahawa penganjuran ceramah berkenaan bertujuan untuk menyampaikan ilmu, meningkatkan kesedaran serta memupuk penghayatan terhadap nilai-nilai kesihatan yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

Menurutnya lagi, usaha berterusan dalam memperkasa amalan gaya hidup sihat dan langkah-langkah pencegahan adalah penting bagi mengurangkan risiko penyakit, khususnya penyakit tidak berjangkit atau Non-Communicable Diseases (NCDs), sekali gus melahirkan masyarakat yang lebih sihat dan sejahtera sepanjang hayat.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

گەنەڕەن کەمبەخت
KEMENTERIAN KESEHATAN
MINISTRY OF HEALTH

پەنەسەنەن
AWAL DAPAT
MENYELAMAT
NYAWA

سرڤاڤي

بهاس ملايو: جيو، ايدينتيتي دان جاتي ديري بغسا

جماعه يغ درحمني الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكنن كلمانن كفلان. مسوغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا ديسيبي الله ﷺ ايت اياه اورغ يغ فالينغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ ستياس مغايغي الله ﷺ براوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمني الله،

الله ﷻ منجيشان مانسي درفد فلباڤاي بغسا دان سوكر قوم سرتا مغورنياكن كفلباڤاين بهاس سباڤاي آلت كومونيكاسي دان لامينغ جاتي ديري مانسي. فرمان الله ﷻ دالم سورة الروم آية ۲۲:

دان انتارا تندا-تندا ككواسانن اداله فنحيفتان لاغيت دان بومي دان فريضان بهاس كامو دان ورنا كوليت كامو. مسوغكوهن يغ دمكين ايت بنر-بنر تردافت تندا-تندا (ككواسان الله) باكي اورغ-اورغ يغ برعلمو.

كفلباڤاين ترسبوت نوروت دجلسكن دان دفركووهكن ملالوي فرمان الله ﷻ دالم سورة الحجرات آية ۱۳:

واهاي مانسي! مسوغكوهن كامي تله منجيتانن كامو درفد لاكي-لاكي دان فرموان، دان كامي تله منجاديكن كامو برباڤاي-باڤاي بغسا دان فواڤ سوافيا كامو بركل-كلن. مسوغكوهن مولي-مولي كامو ديسيبي الله اياه اورغ يغ فالينغ برتقوى انتارا كامو. مسوغكوهن الله مها مغتهوي لاكي مها تليتي.

كدوا-دوا آية ترسبوت مغايغكنن كيت بهاوا كفلباڤاين بغسا دان بهاس ددنيا بوكن اونتوق منيمولكن فرجهن، تنافي مروفانن بوقتي كبسرن دان كاكوغن جيشتان الله ﷻ يغ قولو دشوڪوري سرتا دقلبهارا، كفلباڤاين بهاس منجادي لامينغ ايدينتيتي يغ مبوليكن مانسي ساليغ مغلي، مهمي دان مغرحمي جاتي ديري انتارا ساتو سام لاي. نامون قد ماس يغ سام تيدق مغاييكن بهاس دان ايدينتيتي سنديري.

جماعه يغ درحمني الله،

إسلام أمت متينقة تكتن ففكونان بهاس يغ بايك دان سوفن كران بهاس منجرمينكن أخلاق، نيلاي فنديدين سرتا تاتاسوسيل سساورغ. ففكونان بهاس يغ بايك دان استون بوكن سهاج مفكميركن كفريادين يغ مولي، ماله

دافت موجودكن سواسان يغ هرموني سرتا ميري كسن يغ بايك كفلد فندغر دان فترعان. سباڤانن فرمان الله ﷻ كفلد نبي موسى دان نبي هارون عليهما السلام دالم سورة طه، آية ۴۴:

مك كامو كاتانن كفلن كات-كات يغ له-لبوت، موده-مودهن دي بريغت (سلسر) اتاو تاكوت (كفلد توهن).

آية ترسبوت مغايغكنن كيت بهاوا ستياف كومونيكاسي دان دعوه قولو ديمقايكن دغن له لبوت سرتا فتوه حكمه اكر ليه موده دترعا دان ميري كسن كفلد هاني سساورغ.

جماعه يغ درحمني الله،

دنكارا بروني دارالسلام، بهاس ملايو بوكن سهاج بروفغسي سباڤاي آلت كومونيكاسي، ماله منجادي سيمبول ايدينتيتي، قرفادوان سرتا اساس فميتوقن جاتي ديري دان بودايا مشاركت. بهكن بهاس ملايو مروفانن بهاس راسمي نكارا دان برفرانن سباڤاي بهاس اوتام دالم فنتديرن، فنديدين، فيمقان علمو سرتا منجادي ميديوم فباتوان مشاركت درفد فلباڤاي فواڤ دنكارا اين.

بهاس اداله جيو بغسا دان ثقا بهاس ملايو، سباڤاين درفد واريشن سرتا ايدينتيتي كرونين كيت اكن توروت ترهاكيس. بهاس ملايو جوك مغويي هوبوغن يغ رافت دغن فلسفه ملايو اسلام براج. ملالوي بهاس اينله نيلاي-نيلاي اسلام ديمقايكن، عادت يغ بايك دقلبهارا، علمو دواريشن دان نصيحت اورغ توا ددغر سرتا دحرمي. اوليه ايت، منجادي تفكوغ جواب ليو باف، كورور-كورور، فميمقين مشاركت دان جنراسي مودا اونتوق تروس مفكونانن بهاس ملايو دغن بتول، سوفن دان برمواه، جاغله بهاس كيت دجيري دغن كات-كات كست اتاو كاي كومونيكاسي يغ مغيلغكنن اداب دان حرمت.

أوليه ايت، ماريله كيت سام-سام مرونغكن كيمالي كفتيغن بهاس ملايو ملالوي فتيكن تيته كباوه دولي يغ مها مليا فاذك سري بكندا سلطان دان يغ دفتروان نكارا بروني دارالسلام سمقا اولغ تاهون هاري كفوتران بكندا يغ ك-۴۴ قد ۲۱ جولاى ۱۹۹۰ مغياي قرانن فنتيغ بهاس ملايو دنكارا اين. انتارا فتيكن تيته بكندا اياه:

"دري تيك رغاڤاي كات: "ملايو اسلام براج" تردافت عنصر نيلاي-نيلاي يغ فوستيف اونتوق كنهانن نكارا، اومقانن درفد ملايو ايت، اياه

بهاسن. سيفا فون تيدق بولي مياغكل، بهاوا بهاس ملايو ايت اداله ساتو-ساتون آلت قرفادوان كيت يغ فالينغ ايدينتيتي. تنفا بهاس اين، كيت تننن تيدق اكن دكلي سباڤاي ساتو بغسا يغ بدولت لاكي مغويي ايدينتيتي."

دمكين بكندا برتبه.

جماعه يغ درحمني الله،

ماريله كيت سام-سام مفكونانن بهاس ملايو دغن بايك دان بتول سرتا ميماي راس جيتا ترهادف بهاس ملايو دالم كالغن جنراسي مودا. دالم ماس يغ سام، كيت جوك قولو مغهر كاي اوسها كراجان كباوه دولي يغ مها مليا فاذك

سري بكندا سلطان دان يغ دفتروان نكارا بروني دارالسلام دالم ممرتيتنن بهاس ملايو سباڤاي بهاس رسمي نكارا. مسوغكوهن بغسا يغ موليكن بهاسن اياه بغسا يغ مغهر كاي اصل اصولن دان بغسا يغ مليهارا اداب بهاسن اياه بغسا يغ مدغ مليهارا كموليان دوين.

آخرن، ماريله كيت سام-سام منشوڪوري نعت بهاس يغ دكورنياكن أوليه الله ﷻ دمنغيتكنن اونتوق فركارا يغ بايك دان برمنغت. كيت بردعاء سموك الله ﷻ تروس ميريكي نكارا بروني دارالسلام، مليهارا كامانن، كدولن دان ايدينتيتي نكارا سرتا ميريكي سكا اوسها دالم مليهارا خزانه بغسا دمي كسجهزان جنراسي اكن داتغ. موده-مودهن الله ﷻ مغورنياكن كفلد كيت كفوانن اونتوق مليهارا بهاس ملايو سباڤاي جيو، ايدينتيتي دان جاتي ديري بغسا، سرتا منجاديكنن وسيلة اونتوق ميبيران علمو، مفركووه قرفادوان دان منيغكنن شعار اسلام دنكارا بروني دارالسلام.

(الله) يغ مها فموره. دي يغ تله مغاچرن القرآن. دي يغ تله منجيتانن مانسي. دي يغ تله مغاچرن فندي بركات-كات. { سورة الرحمن آية : ۱-۴ }

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلْنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُؤُزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَّاةَ النَّاسِينَ.

DUKUNG BELIA CEBURI SEKTOR PERTANIAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

GADONG, Sabtu, 20 Jun. - Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program Pendedahan Belia-belia yang Berpotensi untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi Kali Ke-11 yang telah berlangsung selama 13 hari bermula 2 Jun hingga 20 Jun 2026, bertempat di Dewan Simpur, Pusat Agribisnis Rimba, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada 39 orang peserta yang telah berjaya melengkapkan program tersebut ialah Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Awang Haji Noor Azri bin Haji Mohd. Noor.

Juga hadir, ketua-ketua bahagian serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Program berkenaan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam mendukung Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2022-2030, khususnya ke arah meningkatkan penglibatan belia dalam sektor pertanian.

Di samping itu juga, program antara lain bertujuan untuk mendedahkan perusahaan pertanian sebagai satu perniagaan yang menguntungkan serta

membuka peluang kepada belia-belia untuk menceburi dalam sektor ini, terutama sekali dalam industri tanaman yang mengaplikasikan sistem teknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran pertanian.

Program ini merangkumi sesi taklimat dan penempatan kerja di ladang-ladang pertanian terpilih.

Sesi taklimat memberi pendedahan mengenai peluang serta tatacara dalam bidang pertanian, termasuk permohonan tapak perusahaan, pemprosesan makanan, kawalan perosak dan penyakit tanaman, pembiayaan kewangan, modal perniagaan,

pembinaan bangunan, serta pendaftaran perniagaan dan syarikat melalui agensi-agensi berkaitan.

Manakala sesi penempatan kerja memberi peluang kepada peserta menimba pengalaman secara langsung di beberapa ladang pertanian terpilih.

Melalui program ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah memberikan fokus kepada beberapa sistem dan teknologi pengeluaran yang bersesuaian dengan kemampuan para peladang belia seperti sistem fertigasi dan sebagainya.

Program tersebut juga menyentuh tentang pengenalan baja asas dan pembajaan tanaman dan juga pengendalian lepas tuai

PEMANGKU Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Awang Haji Noor Azri bin Haji Mohd. Noor berucap pada majlis berkenaan.

serta Brunei Good Agriculture Practices (BGAP).

Program antara lain diharapkan dapat menarik minat dan meningkatkan penglibatan para belia termasuk lepasan daripada Institusi Pendidikan Tinggi serta dapat melahirkan usahawan-usahawan pertanian belia yang komited, progresif dan produktif bagi sama-sama menyumbang ke arah peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam sektor pertanian, di



samping mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan sumber pendapatan yang mampan bagi golongan belia.



PEMANGKU Pengarah Pertanian dan Agrimakanan hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta yang telah berjaya melengkapkan program tersebut (kanan). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.



Meningkatkan kefahaman, kemahiran membaca Al-Quran



Oleh : Aimi Sani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Jun. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU) melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddin mengadakan Majlis Pelancaran Buku 'Belajar Ilmu Tajwid

Bersama Al-Qur'an' dan Bengkel Pemahaman Ilmu Tajwid Al-Quran 2026 sempena Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1448 yang diadakan di masjid berkenaan, baru-baru ini.

Bengkel yang membawakan tema 'Bacaan Betul, Hati Tenang' ini



diadakan bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran masyarakat dalam membaca Al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul.

Selain itu, program ini turut bertujuan memupuk minat berterusan dalam pembelajaran Al-Quran serta menggalakkan pengamalan bacaan yang tepat dalam kehidupan seharian.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Buku 'Belajar Ilmu Tajwid Bersama Al-Qur'an' ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Sementara bengkel tersebut dikendalikan oleh Awang Haji Md. Daud bin Haji Abd. Kadir.

Bengkel yang disertai daripada kalangan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah Masjid dan orang ramai ini akan diberikan pendedahan kepada asas-asas ilmu tajwid serta meningkatkan keyakinan peserta dalam membaca Al-Quran secara bertalaqqi dan berlandaskan hukum tajwid yang sahih.

Penganjuran program ini juga

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (kiri sekali dan kiri). Manakala gambar kiri sekali, Buku 'Belajar Ilmu Tajwid Bersama Al-Qur'an' yang dilancarkan.

melahirkan masyarakat yang celik Al-Quran. Di samping itu, ia berperanan menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah dan ilmu serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan peserta.



جائين فراڤانڤن اېكونومي دان سٽاتيسٽيڪ
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGAGAMA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

MEMPERKASA PEMBANGUNAN EKONOMI USAHAWAN MUALAF

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

PULAIE, Sabtu, 20 Jun. - Sebagai tanda penghargaan kepada para usahawan mualaf yang sentiasa menunjukkan komitmen serta memberikan sokongan berterusan terhadap Program Pop-Up Sale Usahawan Mualaf yang diadakan setiap dua minggu sekali, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Mualaf (Pengupayaan Mualaf), petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Memasak bagi Mualaf dan Apresiasi Usahawan Mualaf sempena ulang tahun pertama program tersebut.

Majlis yang mengambil tempat di Dewan Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, PDI, Pulaie itu diserikan

dengan kehadiran Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat majlis.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pengiran Hajah Ida Fariani binti Pengiran Haji Kamaluddin selaku Ketua Bahagian Pembangunan Mualaf.

Acara kemudiannya diteruskan dengan tayangan klip video Pertandingan Memasak bagi Mualaf yang telah diadakan pada sebelah pagi.

Seterusnya, keputusan Pertandingan Memasak bagi

Mualaf diumumkan oleh juri jemputan, Dayang Nur Zahidah binti Abdullah Arin.

Johan disandang oleh Kumpulan ZulLia (Awang Muhammad Faizul bin Muhammad Azlan dan Dayang Hajah Yulia binti Abdullah) yang membawa pulang wang tunai berjumlah BND200, sebuah piala dan sijil penyertaan.

Sementara itu, Naib Johan dimenangi oleh Kumpulan Babu Gemilang (Dayang Hajah Suzilawati binti Abdullah dan Dayang Hajah Nur Surayya Syahirah binti Haji Mohd. Yusof) yang membawa pulang wang tunai berjumlah BND150, sebuah piala dan sijil penyertaan.

Manakala Kumpulan Merak Kayangan (Dayang Nur Zahirah binti Abdullah Meling dan Dayang Siti Azizah binti Muhammad Nur) menyandang tempat ketiga sekali gus menerima wang tunai berjumlah BND100, sebuah piala dan sijil penyertaan.

Kumpulan Mom's Kitchen (Dayang Hajah Junaidah binti Abdullah dan Dayang Hajah Mariah binti Abdullah) di tempat keempat pula menerima hadiah sagu hati berupa wang tunai berjumlah BND50, sebuah piala dan sijil penyertaan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah Pertandingan Memasak bagi Mualaf yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis sebelum diteruskan dengan penyampaian hadiah penghargaan kepada para vendor Program Pop-Up Sale



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman menyempurnakan penyampaian hadiah kepada johan Pertandingan Memasak bagi Mualaf, iaitu Kumpulan ZulLia.

Usahawan Mualaf bagi sesi 2025 Masihi / 2026 Masihi.

Sepanjang tempoh setahun pelaksanaan program tersebut, seramai 17 orang vendor telah menyertai Program Pop-Up Sale Usahawan Mualaf.

Penganjuran majlis ini bukan sahaja bertujuan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada para usahawan mualaf yang aktif menyertai Program Pop-Up Sale Usahawan Mualaf, malah turut menzahirkan komitmen PDI dalam memperkasa pembangunan ekonomi masyarakat mualaf.

Selain itu, program tersebut turut menyediakan platform pemasaran dan tapak jualan yang dapat

membantu para usahawan mualaf mempromosi serta memasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada orang ramai.

Melalui sokongan dan bimbingan berterusan daripada PDI, KHEU adalah diharapkan program ini akan menjadi pemangkin serta sumber inspirasi kepada para usahawan mualaf untuk terus berusaha dengan lebih gigih dalam meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti kehidupan mereka. Pada masa yang sama, usaha ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan, pemerikasaan dan kesejahteraan masyarakat mualaf di Negara Brunei Darussalam.



PARA hadirin pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Memasak bagi Mualaf dan Apresiasi Usahawan Mualaf.

Melahirkan generasi celik AI-Quran



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

RIMBA, Sabtu, 20 Jun. - Sekolah Ugama Rimba II (Bangunan Sekolah Menengah - BSM) meraikan seramai 97 murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Rimba II.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 57 adalah murid lelaki

manakala 40 lagi adalah murid perempuan.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pegawai Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei III, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Fauzi bin Haji Zaini, yang turut memulakan majlis dengan

memimpin bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Majlis diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti bacaan Takhtim. Kemudian Doa Khatam dibacakan oleh Awangku Md. Khairzyl Izhaleh bin Pengiran Md. Khairul Izaini.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta oleh tetamu khas majlis dengan diiringi bacaan dikir



PEGAUAI Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei III, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Fauzi bin Haji Zaini hadir selaku tetamu khas pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan (atas), manakala gambar kiri, antara pelajar khatam yang diraikan.

beramai-ramai.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Abdul Mujahiddin bin Haji Metussin, tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran di sekolah-sekolah ugama seluruh negara adalah selaras dengan hasrat kerajaan

untuk melahirkan generasi celik Al-Quran yang menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, majlis seumpama berkenaan juga merupakan antara usaha JPI dalam memperkukuh lagi syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

سورھنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

iklan jawatan kosong

Kalendar saya

kedudukan permohonan

aduan saya

2

Status Permohonan Kerja

Bahagian	Status	Lulus Temu
V	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
K	PROSES PERAKUAN	00
IV	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
II	TIDAK HADIR	00
+	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	00
-	PEMOHON DITERIMA	00

3

Ujian Temu Duga

Jun 2022

Ujian Temu Duga

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
The Provision Of
Six (6) Months Maintenance
Services Of Airport Network
Equipment System For
Terminal Building
At Brunei International Airport
TERMINAL / 2026-2027 / SH-04

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
15 Jun 2026,
Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
30 Jun 2026,
Selasa

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
1 Julai 2026,
Rabu

(Tidak lewat jam 2.00 petang)



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
08 / JPB / SH / 2026

Keterangan:
Membekalkan Jamuan
Makan Minum Bagi
Jabatan Penjara
Untuk Tempoh
Satu Tahun

Yuran Tawaran:
BND5.00

**Tarikh Tutup
Dan Waktu:**
Selasa,
14 Julai 2026
(Tidak lewat dari
jam 2.00 petang)



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 018 / 2026

Tajuk Tawaran:
Integrated Maintenance
Services Contract:
Main Power Train
Equipment Maintenance

Tarikh Tutup:
7 Julai 2026
Selasa

Yuran Tawaran:
BND5,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran,
Pengerusi Lembaga



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**

1. 08 / 2026 / 2027
"The Supply And Delivery Of
High-End Desktop PC And
Monitor For Town And
Country Planning Department,
Ministry Of Development,
Negara Brunei Darussalam"

2. 09 / 2026 / 2027
"The Supply And Delivery Of
Sketchup Studio And Lumion
Studio For Town And Country
Planning Department,
Ministry Of Development,
Negara Brunei Darussalam"

Tarikh Tutup:
Sabtu,
11 Julai 2026
Sebelum jam
2.00 petang



Tawaran Kecil
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan,
BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Original Equipment Manufacturer
(OEM) OR Independent Service
Provider OR Joint Venture
Companies OR Companies
Registered with ROCBN.
Tenderers must have a minimum
of 10 years' experience in related
Gas and Steam Turbine
maintenance.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperolehi dari di
Tingkat Empat (4),
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, di Unit
Tawaran dan Sebut Harga,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

1. Bilangan Tawaran:
(44) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Air-Conditioning System Term
Maintenance for A Period of
Thirty Six (36) Months For
1. Games Village and Marching
Field (Padang Kawad), HBNSC
2. Hockey Stadium, HBNSC
3. Squash Centre, HBNSC
4. Lawn Hall, HBNSC
5. Petanque Court, HBNSC
6. Top Spinning Court
(Gelanggang Gasing) HBNSC

2. Bilangan Tawaran:
(45) JBS / ADM / QC / 2026



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
17 / JUN / 2026 / KKBS /
PJK / 16.91

Tajuk Sebut Harga:
Twenty-Four (24) Months Term
Contract For General Pest Control
Services To Premises And
Compound Of Ministry Of Culture,
Youth And Sports,
Simpang 336-17,
Jalan Kebangsaan And
MCYS Store,
Jalan Bengkurong Masin,
Kampung Sinarubai,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Tidak lewat
9 Julai 2026
jam 2.00 petang.



Keterangan:

Air-Conditioning System Term
Maintenance for A Period of
Thirty Six (36) Months For
1. Hassanal Bolkiah National
Stadium
2. Track and Field, HBNSC
3. Tennis Court, HBNSC

3. Bilangan Tawaran:
(46) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
To Propose, Supply, Delivery,
Installation, Configuration, Testing,
Maintenance and Warranty of
Close Circuit Television (CCTV)
System at Games Village,
HBNSC

4. Bilangan Tawaran:
(47) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Penambahan Stok Simpanan Unit
Pusat Stor, Jabatan Belia dan
Sukan bagi Toner Cartridge Printer
Brother L2460 dan Ink Printer
Brother MFC - J2740DW

5. Bilangan Tawaran:
(48) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Membekalkan Pasir Laut Yang
Sudah Bersih / Yang Sebanding
Dengannya Bagi



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi**

Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 1.2026
Network Central Procurement 3.0,
Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan (EGNC),
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
(MTIC)

Tarikh Tutup:
Selasa,
11 Ogos 2026



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Keterangan Projek:
Membekal Peralatan Pejabat
Iaitu Mesin Pencetak

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non - Refundable)

Bilangan Tawaran:
7 / BBS / SH / BPL / PP /
2026-2027

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 Julai 2026
jam 2.00 petang.



Kompleks-Kompleks Di Bawah
Jabatan Belia dan Sukan Di
Keempat-empat Daerah

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
2 Julai 2026



**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
RTB / 03 / 2026

Tajuk Tawaran:
Design, Supply, Delivery,
Install, Testing, Commissioning &
Training Of New DVB-T2
TRANSMITTERS AND
Remote Monitoring &
Control Equipment For
RTB Andulau Station

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
7 Julai 2026,
Selasa,
2.00 petang



Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 51 / 26 - 27
External Wall Painting Works
At RTB CFBD Block,
Madang

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas
(Hardcopy):**
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 petang



1. Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 48 / 26-27
Replacement Of Transit Tank
At RTB Sungai Akar
Broadcasting Complex

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas
(Hardcopy):**
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 petang



1. Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 45 / 26-27
Contract For Cleaning Services
At The Secretariat Building,
Radio Television Brunei,
Bandar Seri Begawan
For A Period Of
Eleven (11) Months

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas
(Hardcopy):**
BND5.00
(Jika perlu dan
tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 petang



Tajuk Sebut Harga:
1. RTB / K / 43 / 26 - 27
Supply And Delivery Of Drone And
Accessories For Unit Drone

2. RTB / K / 44 / 26 - 27
Supply And Delivery Of
Broadcast Camera And
Accessories For EFP

**Bayaran Yuran
(Termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas
(Hardcopy):**
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 petang



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

1. Bilangan Sebut Harga:
JDB / QSTOR / AT / 2026

Nama Sebut Harga:
Sebut Harga Membekalkan
Peralatan Tulis Pejabat Selama
Satu (1) Tahun Bagi
Jabatan Daerah Belait

2. Bilangan Sebut Harga:
JDB / QSTOR / AK / 2026

Nama Sebut Harga:
Sebut Harga Membekalkan
Peralatan Kebersihan Pejabat
Selama Satu (1) Tahun
Bagi Jabatan Daerah Belait

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Jun 2026
Jam 2.00 petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
IV sahaja

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM010 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / JUB.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Atap Dan Siling Bagi Kolej
Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam



Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM011 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / KKBS.02

Nama Projek:
Kerja-Kerja Mencat Keseluruhan
Dinding Luar Bangunan Muzium
Alat Kebesaran Diraja,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
04 / MFA-ICC-Q / 2026-27

Tajuk Sebut Harga:
Landscape Maintenance
Services For International
Convention Centre,
Berakas,
Ministry Of Foreign Affairs
For A Period Of
Three (3) Months.

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Isnin,
29 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Makluman Sebut Harga
Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD)
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Bilangan Sebut Harga:
KKBS / OBBD / F-003
(05-2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal (1) Tahun
(2026-2027) Bagi Penyediaan
Dan Penyajian Makan / Minum
(Catering) Untuk Pegawai dan
Kakitangan Yang Mengikuti
Pelbagai Program Outward Bound
Brunei Darussalam (OBBD),
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Tarikh Tutup:
Khamis,
25 Jun 2026





JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3**
(BND2,270 - BND4,240)

Atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2**
(BND1,990 - BND2,970)

Atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1**
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Tutong

1. Kampung Merimbun, Mukim Rambai
2. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
3. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai
4. Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin
5. Kampung Sinaut dan Sungai Kelugos, Mukim Keriam

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
**Selasa,
30 Jun 2026
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 4222491 sambungan 110 / 111 atau alamat e-mel kepada imk.jdt@tutong.gov.bn



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jawatan Kosong Sebagai

**Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4**
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi

Daerah Tutong

Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Penghulu Mukim Rambai, Daerah Tutong.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-
Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
**Selasa,
30 Jun 2026,
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 4222491 sambungan 110 / 111 atau alamat E-mel kepada imk.jdt@tutong.gov.bn



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Tajuk Tawaran:
JPt / TAW / 01 / 2026 - 2027
Pemeliharaan Saliran Ladang
Bagi Kawasan Kemajuan
Pertanian Di
Daerah Brunei Muara
Zon 'B' Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun

Tarikh Tutup:
Selasa,
14 Julai 2026
Tidak lewat
jam 2.00 petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2026 /
GCAU / RPK / TA / 6003
Pembelian Alat Kelengkapan
Jenis SOP Alpha, Sierra Dan
Juliet Bagi Kegunaan Operasi Dan
Latihan Rejimen Pasukan Khas,
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
(RPK ABDB)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah satu (1)
minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu
Selasa, 14 Julai 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
2.00 petang, Selasa,
21 Julai 2026.



**Rujukan Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 /
ITAU / TA / GSU / 001 [JPPK /
LTN / 01 / 2026]
Proposed New K9 Office
Building & Clinic Building At
GSU Sungai Akar Camp

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lima Belas
(15 Bulan)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum
tarikh tutup tawaran,
iaitu
Isnin,
19 Jun 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Jun 2026
2.00 Petang



**Rujukan Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
TA / PEN / 002
(JPPK/LTK/15/2026)
Proposed Construction For
Fencing Enclosing The Gaps To
The Existing Perimeter Fencing,
Special Force Regiment,
Penanjong Garrison.

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja :
Enam (06) Bulan

Yuran Tawaran :
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa,
7 Julai 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga:
(52)INFO/PK/K/7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Memohon Sebut Harga
Bagi Pembelian Peralatan
Keperluan Podcast

Yuran:
BND5.00
(Lima Dolar Brunei)

Tarikh Tutup:
Khamis,
25 Jun 2026,
Jam 8.00 Pagi



Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Sebut Harga:
(33) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Troubleshoot And Servicing
Works For 70KVA Standby
Generator (Genset)
Bangunan Tambahan
Jabatan Penerangan.

Bilangan Sebut Harga:
(34) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga :
Supply, Replace And Install New
Digital Type Of Controller For
70KVA Standby Generator
(Genset) Bangunan Tambahan
Jabatan Penerangan.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
25 Jun 2026,
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II, III, IV atau V

Kategori
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
7 Julai 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
14 Julai 2026
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil,
di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan
BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T004 / 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan
Landskap Dari Jalan Residency
Hingga Jalan Kota Batu Menuju
Muzium Brunei (Zone A)
Dan Kotak Penanaman Sedia
Ada Di Sepanjang Kawasan
Promenade Waterfront
Di Jalan Residency (Zone B),
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh
Tiga (03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T004 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Non Refundable)



JASTRE / BL / T006 / 2026
Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan
Landskap Dan Penyelenggaraan
Jalan Susur Dan Kawasan Tengah
Lebuhraya Muara – Tutong Dan
Lebuhraya Tungkong Fasa 3.

No. Projek:
JASTRE / BL / T006 / 2026

JASTRE / BL / T007 / 2026
Cadangan Kerja-Kerja
Pembaikan Landskap Dan
Penyelenggaraan Landskap
Sepanjang Jalan Kiulap.

No. Projek:
JASTRE / BL / T007 / 2026

JASTRE / BL / T008 / 2026
Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan
Landskap Dan Penyelenggaraan
Landskap Sepanjang
Jalan Gadong.

No. Projek:
JASTRE / BL / T008 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Non Refundable)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II, III & IV

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:
15 Jun 2026
(Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
7 Julai 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
14 Julai 2026
(Selasa)
Sebelum Jam
2.00 petang

(Ditutup di Pejabat
Lembaga Tawaran Kecil,
di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah
Syariah 2005**

**Saman Gantian
Dalam Mahkamah
Rendah Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam**

Saman No.:
**BM / MRS / MAL-A / P012A /
0304 / 05-2026**

Kes Induk:
**BM / MRS / MAL-B / S010A /
0025 / 01-2026**

Antara

**Siti Nurul Ameyeza Farhana
binti Awang Haji Masri
- Plaintiff / Pemohon**

Dan

**Abdul Wafi Azizi bin Wira
Sumanti
- Defendan / Responden**

Kepada : **Abdul Wafi Azizi bin
Wira Sumanti - No. Kad Pintar :
01-095559**, Beralamat (Alamat
Terakhir) : **No. 34, Jalan 11,
Perumahan Kampung Lambak
Kanan, Negara Brunei
Darussalam.**

Kamu adalah dengan ini di saman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu di
hadapan **Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Brunei dan
Muara** pada **Rabu, 22 Muharam
1448H bersamaan / 8 Julai
2026M pada jam 10.30 Pagi**
untuk menjawab tuntutan terhadap
kamu oleh plaintiff yang dinamakan
di atas, bagi **Tuntutan Cerai
Fasakh.**

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingin membela diri
terhadap tuntutan tersebut, kamu
hendaklah memfailkan di
Mahkamah ini dan menyampaikan
kepada Plaintiff suatu pembelaan
dalam Borang yang ditetapkan
sebelum tarikh yang disebut di
atas atau hadir di Mahkamah pada
tarikh itu.

Bertarikh:
16 Zulhijah 1447H / 3 Jun 2026M

**Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**



**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

1. Bilangan Sebut Harga:
KEPI / BKSM / JKSH /
ASET / 04 / 2026-2027.

Tajuk Sebut Harga:
“Pest Control Services
For 24 Months At
Ministry Of Primary Resources
And Tourism Buildings.”

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
9 Julai 2026,
Khamis
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
06 / 2026 / 2027

The Demolition, Removal &
Dismantling Of Buildings And
Structure For Department Of
Town And Country Planning,
Ministry Of Development,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Isnin,
6 Julai 2026
Sebelum jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

JPt / TAW / 04 / 2026-2027:
Membekal Perkhidmatan
Pengawal Keselamatan
Bagi Kawasan Dan
Bangunan-Bangunan
Di Kawasan Kemajuan
Pertanian Terunjing,
Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan Selama
Dua (2) Tahun.

Yuran Tawaran:
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
28 Julai 2026



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation
And Configuration Of Digital
Indoor Clock At Terminal Building
Brunei International Airport
TERMINAL / 2026 – 2027 / SH-03

**Tarikh Iklan/Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
10 Jun 2026,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
23 Jun 2026,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
24 Jun 2026, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)





IMBASAN MINGGUAN



MAJLIS Ikrar (The Pledge) pelajar Tahun 11 2026 Sekolah Sukan yang bakal menduduki peperiksaan BC GCE 'O' Level dan IGCSE, bertempat di Dewan Kuliah sekolah tersebut. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

PARA ibu dan suami masing-masing bersama anak-anak damit mereka yang lahir pada 1 Muharam sempena Sambutan Ilal Hijrah 1448 hadir pada Majlis Pemberian Hadiah kepada anak-anak damit mereka yang lahir pada 1 Muharam. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.

AKSI pasukan semasa Pertandingan Tarik Kalat Terbuka anjuran Majlis Perundingan Kampung Panchor yang berlangsung di Kawasan Padang Pentas Diraja, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong. - Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman.



AKTIVITI pembersihan pantai di Pantai Meragang yang membawa tema 'Protecting Brunei's Beaches, One Cleanup at a Time' melibatkan peserta sukarelawan, belia, rakan kerjasama dan orang awam. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

ANTARA aksi pasukan semasa Kejohanan Cabaran Bola Jaring Yakin 2026. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.



PARA peserta yang mengikuti Hijrah Walk 4.0 anjuran Belia Masjid Syababul Iman dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong bersempena dengan Tahun Baharu Hijrah 1448 Hijrah bertempat di masjid berkenaan. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

OPERASI USAI KESAN PELBAGAI KESALAHAN DILAKUKAN MAJIKAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



OPERASI Usai 144/2026 yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh di kawasan Kampung Kiarong (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Jun. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh baru-baru ini menjalankan Operasi Usai 144/2026 di kawasan Kampung Kiarong pada 9 Jun 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang dijalankan ke atas sebuah premis kedai makan mendapati sebanyak sembilan kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap beberapa pekerja, iaitu Bab 39(2), majikan tidak membayar kerja lebih masa; Bab 63, majikan tidak memberikan cuti rehat; Bab

64, bekerja pada hari rehat; Bab 65, pekerja bekerja melebihi jam yang ditetapkan; Bab 70, majikan gagal memberikan cuti Hari Kelepasan Awam yang diwartakan; Bab 71, majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja; Bab 112(1), menggaji pekerja asing tanpa lesen dari Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan didapati menggaji pekerja asing syarikat lain; dan Bab 112(2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan, iaitu pekerja berjawatan pelayan melakukan pekerjaan sebagai tukang masak.

Antara kesalahan lain yang

didapati adalah kesalahan yang dipercayai dilakukan oleh majikan sah pekerja syarikat lain yang didapati berkenaan, iaitu Bab 112(2), gagal memberikan pekerjaan.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, dan jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada para majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti majikan hendaklah membayar gaji kerja lebih masa jika pekerja bekerja melebihi lapan jam sehari atau bekerja melebihi 44 jam dalam seminggu, memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu atau mana-mana hari di minggu berkenaan.

Selain itu, bekerja pada hari rehat hendaklah dibayar ganda atau diganti cuti pada hari lain, pekerja-pekerja tidak boleh bekerja melebihi lapan jam sehari dan tidak boleh melebihi 12 jam sehari bagi pekerja shift serta tidak dibenarkan bekerja lebih masa melebihi daripada 72 jam dalam sebulan, tidak menggaji pekerja asing syarikat lain dan memberikan pekerjaan kepada pekerja-pekerja selaras dengan jawatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh.

Untuk maklumat lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh di talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



Sebuah premis EKK diarah tutup



SEBUAH premis Establismen Kecantikan dan Kesihatan di kawasan Kampung Serusop telah dikenakan tindakan penutupan premis serta-merta kerana didapati menjalankan perniagaan menggunakan lesen yang telah mansuh selama 64 hari.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Jun. - Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JB BSB) melalui Seksyen Penguatkuasaan

telah menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis Establismen Kecantikan dan Kesihatan (EKK) di kawasan Kampung Serusop,

baru-baru ini.

Semasa pemeriksaan dijalankan, sebuah premis didapati menjalankan perniagaan menggunakan lesen yang telah mansuh selama 64 hari.

Menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Establismen Kecantikan dan Kesihatan Penggal 241, Seksyen 20, iaitu jika mana-mana orang yang menjalankan perniagaan kecantikan dan kesihatan tanpa memegang lesen yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi BND10,000 dan dalam kes kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi BND100 untuk setiap hari di mana kesalahan berkenaan berterusan.

Berikutan dengan dapatan berkenaan, pihak penguatkuasaan telah menjalankan tindakan penutupan premis serta-merta dan pemilik premis diarahkan hadir ke pejabat bagi siasatan lanjut.

Seksyen Penguatkuasaan, JB BSB mengingatkan kepada pemilik-pemilik premis perniagaan EKK supaya sentiasa mematuhi peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa.

Pekerja juga perlu menjaga kebersihan diri dan memastikan alat perkakas atau barang serta bahan produk kecantikan dan kesihatan adalah selamat untuk diberikan perkhidmatan kepada pelanggan.



PPDB akan adakan Latihan Tembak, 22 hingga 25 Jun ini

■ Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Tembak PPDB pada Isnin, 22 Jun 2026; Selasa, 23 Jun 2026; Rabu, 24 Jun 2026; dan Khamis, 25 Jun 2026, bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang, bertempat di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338, Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihat supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan berkenaan kerana Latihan Tembak akan dijalankan menggunakan peluru hidup bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

LINDUSTRI KOTEJ



Meraih rezeki melalui kek batik

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Ihsan Dayang Rabiatal Afiah
Haji Mahli

KEK batik merupakan antara juadah manis yang sering dihidangkan pada musim perayaan di negara ini. Rasanya manis dan berperisa coklat. Ia hanya menggunakan bahan-bahan mudah di dapati di pasar raya seperti biskut Marie, susu pekat manis, mentega, Milo, dan serbuk koko. Ia tidak dibakar menggunakan ketuhar. Memandangkan langkah membuat kek batik juga ringkas, maka ia dapat membuka ruang bagi setiap orang untuk berkreativiti.

Sebagaimana kain batik terkenal dengan corak yang tidak menentu yang dibuat dengan lilin dan pewarna, kek batik pula menyalin idea ini kerana kek ini juga mempunyai corak yang tidak menentu apabila dipotong.

Kek batik ini paling sedap dimakan sejuk dan sesuai dihidangkan semasa majlis keluarga, sambutan perayaan atau sebagai hadiah.

Apabila dijadikan hadiah, maka timbullah pelbagai kreativiti bagi menceriakan si penerimanya. Seperti yang dibuat oleh Dayang Rabiatal Afiah binti Haji Mahli, 28, permukaan kek batik dicorak cantik menggunakan coklat putih dan dilukis terus atas permukaan kek. Cara ni membuatkan kek nampak premium, sesuai untuk meraikan hari jadi mahupun dijadikan sebagai hadiah.

Beliau yang mempunyai kelulusan Master in Islamic Finance ini, mula menawarkan produk ini secara dalam

talian pada pertengahan bulan Mei tahun ini, namun telah mula mempelajari membuatnya pada pertengahan bulan April.

Beliau sebelum ini pernah bekerja sebagai Pegawai Kewangan SKiPPA selama setahun di Kementerian Kewangan, kini mengusahakan jualan kek batik secara sepenuh masa di bawah Syarikat Bakemyway.

Selain Kek Batik Design, beliau turut menjual Kek Batik Klasik, Kek Batik Chocolate Ganache, Kek Batik Crunchy, Kek Batik Indulgence, Cookies, Basque Burnt Cheesecake, Iceberg Cheesecake and Brownies. Pada masa ini Kek Batik Design merupakan produknya yang laris, kek kedua pula ialah Kek Batik Chocolate Ganache dan ketiga Kek Batik Crunchy.

Idea membuat kek batik bercorak ini timbul apabila melihat TikTok yang dikongsi oleh pengguna dari negara jiran. Ketika itu belum ada lagi pengusaha di negara ini yang membuat Kek Batik bercorak. Kebetulan pula kenalan adik beliau ada membuat kelas untuk membuat corak di atas kek, lalu beliau pun belajar.

Kadar harga bagi kek beliau ialah Kek Batik bercorak BND40 hingga BND55 tertakluk kepada corak yang dikehendaki, Kek Batik Crunchy berharga BND18, Kek Batik Klasik BND18, Kek Batik Chocolate Ganache BND25, Kek Batik Indulgence BND40, Basque Burnt Cheesecake BND28, Iceberg Cheesecake BND35 dan Brownies BND16 hingga BND18.

Beliau bersyukur kerana beliau sering mendapat pelanggan yang kembali

menempah kek beliau dan mendapat maklum balas yang sangat positif terutama lukisan yang diukir di permukaan kek batik menepati seperti yang dikehendaki pelanggan. Setakat ini mereka berpuas hati dengan karya beliau. Sebihi kek memakan masa empat jam untuk disiapkan. Setakat ini beliau hanya dapat menerima tiga biji kek satu hari, bagi menjaga ketelitian dalam pembuatan.

Setelah tamat kontrak bekerja sebagai Pegawai Kewangan SKiPPA, melalui Syarikat Bakemyway beliau menyara kehidupan dan yang paling penting untuk mendapatkan lebih banyak pelanggan. Kerana bagi beliau, semakin banyak tempahan dari pelanggan maka banyak lagi bahan dapat dibeli untuk membuat kek batik bercorak. Pengurusan masa juga lebih fleksibel kerana bekerja sendiri.

Modal berniaga seperti membeli bahan-bahan membuat kek batik beliau peroleh dari wang simpanan ketika bekerja sebagai Pegawai Kewangan SKiPPA. Kini beliau membuat tempahan kek batik pelanggan di rumah beliau memandangkan ia lebih selesa dan mempunyai barang keperluan yang mencukupi.

Ditanya mengenai cabaran berniaga, beliau menjelaskan ada kalanya bahan tidak mencukupi dan susah untuk dicari, beliau akan mencarinya di Pekan Tutong dan jika tiada beliau akan mencari di kawasan Bandar. Kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan bakeri juga pernah dilalui apabila beliau pernah mencari bahan sahaja pada tempoh masa yang lama hingga mencecah waktu

malam. Selain itu proses *try and error* juga mencabar, banyak yang tidak menjadi maka sememangnya mengalami kerugian kerana proses itu.

Menurut beliau lagi, bahan untuk membuat kek batik kebanyakannya diperoleh di pasar raya tempatan dan kedai-kedai yang menjual bahan-bahan bakeri.

Ditanya mengenai kenaikan harga bahan mentah bagi bakeri, beliau mengulas sememangnya mereka terpaksa juga menaikkan harga kek mengikut harga bahan semasa. Tidak mungkin pembuat kek menukar bahan mentah kepada yang lebih murah kerana bahan mentah yang premium itu dapat menghasilkan kek berkualiti tinggi.

Walaupun berkelulusan Sarjana, beliau merupakan anak ketiga dari enam adik beradik ini, tidak kekok berniaga bagi menampung perbelanjaan harian untuk kehidupan sehari-hari. Kedua ibu bapa beliau juga sudah bersara, membuatkan beliau terus bersemangat untuk berniaga.

Beliau bersyukur kerana berpeluang bekerja sebagai Pegawai Kewangan SKiPPA, yang mana ia benar-benar membuka minda beliau di mana beliau berpeluang berjumpa dengan orang-orang yang mahir pada bidangnya, dan banyak pendedahan yang diperoleh. Pengalaman bekerja seperti ini berbeza dengan bekerja sendiri.

Bagi mereka yang ingin melihat hasil kerja beliau, bolehlah melayari laman Instagram [bakemyway.bn](https://www.instagram.com/bakemyway.bn), TikTok [@mybakingdiarybn](https://www.tiktok.com/@mybakingdiarybn) atau hubungi melalui WhatsApp +673 832 8903.



Tingkatkan kesedaran penyakit denggi

Oleh : Norliah Md. Zain
Ilustrasi : Amdelah Haji Tujoh

PENYAKIT denggi merupakan sejenis jangkitan virus yang dikenali sebagai demam denggi. Ia disebabkan oleh virus asid ribonukleik (RNA) yang disebarkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk yang dijangkiti. Denggi merupakan antara penyakit bawaan nyamuk yang paling lazim di seluruh dunia, dengan anggaran 390 juta jangkitan setiap tahun.

Kira-kira satu daripada empat orang yang dijangkiti denggi akan jatuh sakit dengan simptom yang mungkin ringan atau teruk. Dianggarkan satu daripada 20 orang yang dijangkiti denggi akan mengalami denggi yang teruk. Individu yang pernah menghidap denggi pada masa lalu lebih berkemungkinan menghidap denggi yang teruk.

Perlu diketahui juga anak damit dan wanita hamil juga berisiko tinggi dijangkiti denggi yang teruk. Kejutan dan pendarahan (pendarahan dalaman) mungkin berlaku pada sesetengah pesakit dengan denggi yang teruk, oleh itu adalah penting bagi golongan ini mendapatkan rawatan perubatan dengan kadar segera.

Sebagai usaha bersama negara ASEAN dalam meningkatkan kesedaran dan menekankan kepentingan menangani beban penyakit denggi, 15 Jun telah ditetapkan sebagai Hari Denggi ASEAN (ASEAN Dengue Day).

Dengan kemudahan pengangkutan pesat dan pergerakan manusia tiada sempadan, virus denggi dengan mudah boleh menular merentasi sempadan ASEAN.

Oleh itu, denggi adalah masalah serantau memerlukan penyelesaian menyeluruh dan kolaboratif kerana memberi impak sangat mendalam terhadap sistem kesihatan negara ASEAN.

Dengan adanya usaha ini ia diharap dapat meningkatkan kerjasama bersama orang ramai, mengukuhkan kapasiti, dan menggalakkan tindakan kolektif pihak-pihak berkepentingan bagi mengurangkan jangkitan penyakit denggi.

Pada tahun ini, Sambutan Hari Denggi ASEAN membawa tema 'ASEAN Bersatu : Tiada Kematian Denggi - Masa Depan yang Kita Bina Bersama Menjelang 2030' (ASEAN United : Zero Dengue Deaths - A Future We Build Together By 2030), yang memfokuskan kepada peningkatan kesedaran dan pengukuhan kerjasama serta tindakan bersepadu semua pihak.

Gejala denggi

Demam denggi boleh menimbulkan gejala yang bervariasi, mulai dari tanpa gejala, hingga demam tinggi. Sementara, demam berdarah denggi adalah demam denggi yang dapat menyebabkan gejala berat yang dapat memicu risiko pendarahan hingga kematian.

Simptom denggi biasanya muncul dalam tempoh empat hingga 10 hari selepas individu digigit oleh nyamuk Aedes yang dijangkiti. Simptom yang perlu diperhatikan termasuklah demam tinggi tiba-tiba ($40^{\circ}\text{C}/104^{\circ}\text{F}$); sakit kepala yang sangat teruk; sakit belakang mata; sakit otot dan sendi; rasa mual dan muntah; kelenjar bengkak; ruam denggi pada badan biasanya muncul dua hingga lima hari selepas demam bermula.

Simptom-simptom ini biasanya berlangsung selama dua hingga tujuh hari dalam fasa demam, dan kebanyakan individu pulih sepenuhnya selepas seminggu.

Simptom demam denggi berdarah

Dalam kes yang lebih serius, penyakit denggi boleh berkembang menjadi demam denggi berdarah, yang memerlukan perhatian perubatan segera. Tanda amaran termasuklah pendarahan dari mulut / gusi / hidung; kulit berpeluh lembap; pendarahan dalaman yang membawa kepada muntah dan najis hitam; sakit abdomen; tompok darah kecil di bawah kulit dan nadi yang lemah.

Menangani

Perkara pertama yang perlu dilakukan adalah berjumpa doktor jika mengalami simptom dan mengesyaki ia adalah denggi. Minta ahli keluarga atau rakan untuk menghantar awda ke hospital terdekat jika tidak dapat memandu.

Doktor akan meminta awda berehat sebanyak mungkin dan memberi Paracetamol untuk membantu mengurangkan demam dan melegakan kesakitan.

Tiada rawatan khusus untuk demam denggi. Rawatan yang tersedia bertujuan untuk melegakan simptom dan menyokong proses pemulihan badan. Dalam kebanyakan kes, pesakit boleh pulih sepenuhnya dengan penjagaan di rumah yang betul dan pemantauan rapi.

Paling penting pesakit hendaklah kekal terhidrasi iaitu minum air secukupnya untuk elakkan dehidrasi. Pantau simptom iaitu selepas demam reda, perhatikan tanda amaran dalam masa tiga ke tujuh hari seperti muntah berterusan, sakit perut yang teruk atau pendarahan. Jika ini berlaku mungkin tanda denggi yang teruk. Selain itu pesakit juga hendaklah rehat secukupnya iaitu dengan tidur dan rehat kerana ia membantu badan pulih dengan lebih cepat.

Pentingnya pencegahan

Pencegahan merupakan asas penting dalam mengurangkan risiko jangkitan denggi. Sentiasa berwaspada dan elakkan gigitan nyamuk. Nyamuk yang telah menggigit ahli keluarga berisiko menyebarkan jangkitan kepada individu lain di rumah.

Antara cara paling berkesan untuk mencegah demam denggi adalah dengan :

1. Cegah habitat pembiakan nyamuk Aedes

Buang semua bekas yang tidak diingini yang boleh mengumpul air kerana air yang bertakung adalah habitat pembiakan nyamuk. Periksa dan tukar air dalam pasu bunga dengan kerap. Bersihkan pasu bunga di kebun dengan kerap untuk mengelakkan pengumpulan air dan sentiasa pastikan semua bekas air ditutup.

2. Tutup pintu dan tingkap atau pasang jaring

Ketahuilah bahawa nyamuk Aedes paling aktif pada waktu senja dan subuh. Jika awda tinggal di kawasan yang terdedah kepada denggi, pastikan pintu dan tingkap ditutup. Sebaiknya letakkan jaring pada tingkap dan pintu untuk menghapuskan kemungkinan nyamuk memasuki rumah.

3. Gunakan penghalau nyamuk

Sapukan penghalau serangga atau nyamuk pada badan awda semasa dalam perjalanan atau semasa awda berada di dalam rumah.

4. Hapuskan nyamuk dewasa

Gunakan penghalau serangga aerosol, gelang nyamuk dan wap elektrik untuk menghapuskan nyamuk dewasa.

5. Pakai pakaian pelindung

Pakai pakaian berlembang panjang dan seluar panjang dengan stoking dan kasut bertutup untuk menutupi badan awda sebanyak mungkin.

6. Atur waktu untuk keluar

Atur waktu untuk keluar mengikut keadaan cuaca. Bawa bersama kit yang diperlukan seperti ubat nyamuk dan beg tidur berjaring

yang boleh membantu melindungi awda daripada gigitan nyamuk.

Denggi di NBD

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), penyakit denggi merupakan penyakit endemik. Kadar jangkitan sering berubah dari setahun ke setahun dan menunjukkan trend peningkatan kes setiap beberapa tahun.

Purata jumlah kes penyakit denggi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ialah sebanyak 54 kes setahun, manakala jumlah kes tertinggi ialah sebanyak 119 kes yang dicatatkan pada tahun 2019, diikuti oleh 100 kes pada tahun 2024. Nyamuk Aedes telah dikenal pasti sebagai vektor utama penularan denggi di negara ini.

Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuhkan usaha pemantauan dan kawalan penyakit bawaan nyamuk.

Ini termasuk meningkatkan kesiapsiagaan sistem kesihatan dan pemantauan penyakit bawaan nyamuk, pemantauan vektor nyamuk, mempertingkatkan kesedaran orang awam dalam semua peringkat umur termasuk murid-murid sekolah dan orang dewasa, serta memperluaskan kerjasama dengan pelbagai agensi dan orang ramai dalam usaha mengawal jangkitan penyakit denggi.

Kesimpulan

Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan mengekalkan kebersihan persekitaran bagi memastikan pencegahan dan kawalan penyakit denggi yang lebih berkesan. Ini memerlukan penglibatan dan kerjasama seluruh masyarakat bagi memastikan persekitaran kita bersih dan selamat.

Penyemburan racun serangga hanyalah langkah kawalan sementara, manakala bagi kawalan jangka panjang yang lebih berkesan, mengekalkan persekitaran yang bersih dan memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk adalah lebih penting.

Perlu diketahui kita juga tidak boleh hanya berharap kepada pihak berkuasa untuk menyelesaikan masalah ini kerana denggi bukan lagi sekadar masalah kesihatan individu, bahkan isu sistemik mempengaruhi seluruh negara dan ASEAN.

Dengan semangat 'ASEAN Bersatu : Tiada Kematian Denggi - Masa Depan yang Kita Bina Bersama Menjelang 2030', bersama-sama kita lindungi generasi hadapan daripada ancaman penyakit denggi.



KEBAKARAN GUDANG PENYIMPANAN SEJUK DI LOS ANGELES BERLANJUTAN HARI KETIGA

LOS ANGELES (Amerika Syarikat), 21 Jun. - Kebakaran di sebuah gudang penyimpanan sejuk di Los Angeles memasuki

hari ketiga pada Sabtu ketika pasukan bomba terus berusaha mengawal kebakaran itu, lapor Anadolu Ajansi. Kebakaran tercetus pada Khamis di kemudahan berkenaan

yang terletak di kawasan kejiranan Boyle Heights berhampiran pusat bandar Los Angeles dan masih belum berjaya dipadamkan selepas tiga hari. Rakaman di lokasi

menunjukkan asap terus kelihatan dari gudang itu manakala operasi pemadaman serta langkah keselamatan masih dilaksanakan di sekitar kawasan berkenaan.

Pihak berkuasa Los Angeles mengisytiharkan darurat setempat susulan usaha memadamkan kebakaran itu yang masih diteruskan. - ©BERNAMA

Uzbekistan memanfaatkan kepakaran Malaysia, perluas pelancongan mesra Muslim

KUALA LUMPUR, 21 Jun. - Uzbekistan memanfaatkan kepakaran Malaysia dalam pelancongan mesra Muslim dan pembangunan ekosistem halal bagi memperkukuh kedudukannya sebagai destinasi pilihan pelancong antarabangsa di rantau Asia Tengah.

Duta Uzbekistan ke Malaysia Dr Karomidin Gadoyev berkata kejayaan Malaysia dalam menarik pelancong antarabangsa serta membangunkan ekosistem halal yang komprehensif menawarkan pengajaran berharga kepada Uzbekistan.

"Pelancongan halal amat penting. Kini, kami sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk memperluaskan pelancongan halal dengan menyediakan lebih banyak hotel halal, restoran halal dan mewujudkan sistem itu dengan bantuan Malaysia.

"Kami juga menghantar kakitangan ke sini untuk mempelajari amalan terbaik serta mendapatkan latihan daripada pakar Malaysia," kata beliau kepada Bernama di luar Pameran Pasaran Pelancongan Antarabangsa HUITM-Umrah Plus 202 yang berlangsung di sini. Gadoyev berkata Uzbekistan melihat Malaysia sebagai peneraju global dalam industri pelancongan mesra Muslim.

"Justeru, kami perlu belajar daripada Malaysia. Kami perlu menimba ilmu kerana dalam pelancongan mesra Muslim, setiap elemen walaupun kecil amat penting. Di sini, anda telah pun membangunkan sistem itu,

manakala kami baru memulakan langkah pertama," katanya.

Selain segmen pelancongan mesra muslim dan halal, Gadoyev berkata Uzbekistan turut giat mempromosikan pelancongan berasaskan sejarah memandangkan negara itu kaya dengan tapak warisan seni bina dan kebudayaan.

Beliau berkata pelancongan gastronomi turut menjadi tarikan utama kerana Uzbekistan menawarkan pelbagai hidangan yang enak, manakala ekopelancongan yang menampilkan landskap pergunungan dan padang pasir serta pelancongan berasaskan pertanian semakin mendapat sambutan. - ©BERNAMA

Ahli perniagaan wanita Republik Sosialis Viet Nam didakwa edar kaki ayam tercemar bernilai RM54 juta

PHNOM PENH, 20 Jun. - Polis Republik Sosialis Viet Nam mendakwa dua wanita di Hanoi kerana mengimport kira-kira 10,000 tan metrik kaki ayam tercemar bernilai USD13 juta (RM54 juta) dari negara dengan penyakit ayam dan mengedarkannya ke kedai tempatan.

Kedua-dua suspek berusia pertengahan 40-an, yang mengimport 339 kontena kaki ayam beku, didakwa di ibu negara pada Jumaat atas perniagaan haram mereka sejak tiga tahun lepas, lapor Vietnam News.

Penyasat menyerbu dua gudang penyimpanan sejuk dan

turut menemukan lebih 2,000 tan kaki ayam beku, termasuk 260 tan produk tamat tempoh dipercayai sedia untuk diedarkan.

Menurut pihak berkuasa, produk untuk diedarkan itu telah tamat tempoh malah berkulat dan berbau busuk, menurut laporan berkenaan.

"Di bawah peruntukan undang-undang, produk ayam yang berasal dari negara yang mempunyai penyakit ayam aktif hanya boleh memasuki negara ini untuk diproses dan dieksport semula dan tidak boleh dijual di dalam negara," lapor Vietnam News.

Kedua-dua ahli perniagaan itu

mengisytiharkan kepada Jabatan Kastam bahawa barangan itu diimport untuk diproses dan kemudiannya untuk dieksport semula. Syarikat gagal membayar cukai yang ditetapkan.

Laporan tidak mendedahkan dari negara mana kaki ayam itu diimport.

Kaki ayam ialah makanan istimewa yang popular di rantau Indochina dan dihidangkan sebagai pembuka selera atau dalam hidangan rebus atau panggang.

Kedai makan mewah sehinggalah gerai penjaja mempunyai kaki ayam dalam menu mereka. - ©BERNAMA

Bayaran visa ke Jepun dinaikkan lima kali ganda bermula Julai

TOKYO, 20 Jun. - Kerajaan Jepun pada Jumaat memutuskan untuk menaikkan bayaran visa kemasukan tunggal bagi warga asing sebanyak lima kali ganda kepada 15,000 yen (AS\$90) daripada 3,000 yen bermula Julai, menandakan kenaikan pertama sejak 1978 ketika inflasi dan kejatuhan nilai yen.

Bayaran pengeluaran untuk visa kemasukan berbilang, yang membolehkan pelawat memasuki Jepun beberapa kali dalam tempoh yang ditetapkan, akan dinaikkan daripada 6,000 yen kepada 30,000 yen, lapor Kyodo News.

"Kami tidak menjangkakan langkah berkenaan memberi kesan segera kepada pelancongan masuk," kata Menteri Luar Toshimitsu Motegi semasa sidang media.

Kenaikan itu dijangka menjadikan bayaran pengeluaran visa Jepun lebih dekat pada tahap yang dilaksanakan oleh negara Kumpulan Tujuh. - ©BERNAMA

Organisasi media BRICS seru kerjasama bina persekitaran maklumat global lebih inklusif

KUALA LUMPUR, 20 Jun. - Wakil media dari beberapa negara BRICS dan negara rakan kongsi menyeru kerjasama lebih kukuh untuk membina persekitaran bermaklumat global yang lebih seimbang dan inklusif padaacara ulang tahun ke-20 BRICS di Moscow baru-baru ini.

Mereka menekankan keperluan untuk lebih banyak pertukaran wartawan, pengeluaran kandungan bersama dan kerjasama institusi untuk 'menguatkan' suara yang pelbagai dan menyampaikan naratif yang lebih mencerminkan sejarah, budaya dan realiti Global Selatan.

Peserta juga membincangkan media sebagai instrumen strategik kerjasama kemanusiaan, kesan platform digital terhadap transformasi ruang maklumat, pembangunan projek bersama dan pengukuhan hubungan institusi antara organisasi berkaitan, menurut TV BRICS.

Divesh Kumar, koresponden penyiar perkhidmatan awam

Republik India Prasar Bharati, menyatakan wacana global telah terlalu lama dibentuk daripada perspektif tunggal.

Beliau berkata misi dan tanggungjawab wartawan dari negara BRICS adalah untuk mengubah keadaan itu dengan menceritakan kisah mereka sendiri serta memperkenalkan dunia kepada tamadun unik dan sejarah ribuan tahun negara anggota.

Beliau mencadangkan beberapa langkah untuk mencapai matlamat itu. "Pertama, program pertukaran wartawan. Marilah kita memberi peluang kepada wartawan muda dari negara BRICS untuk bekerja di bilik berita masing-masing. Biarkan mereka melihat dunia melalui mata masing-masing. Kedua, penciptaan kandungan bersama.

"Marilah kami menghasilkan dokumentari bersama, menyediakan laporan kerjasama dan menerbitkan editorial bersama mengenai isu yang penting kepada kita semua: kesan perubahan iklim, pembangunan mampan, teknologi

dan budaya," katanya pada majlis dialog 'Media and BRICS: Shaping a Shared Information Space' yang diadakan di Pusat Media Maklumat dan Kebudayaan BRICS+ di Perpustakaan Negara Persekutuan Rusia untuk Kesusasteraan Asing M.I. Rudomino di Moscow.

Acara yang dianjurkan oleh Rangkaian Media Antarabangsa TV BRICS dan perpustakaan itu diadakan sebagai sebahagian daripada Minggu Ulang Tahun BRICS sempena tahun ke-20 organisasi itu.

Ketua Pengarah saluran televisyen Bolivia Visión 360, Baldwin Montero, menyeru untuk ruang maklumat BRICS yang inklusif diwujudkan.

Beliau berkata dunia sedang menyaksikan kemunculan suara dan perspektif baharu dan organisasi media dari Amerika Latin, Asia, Afrika, Asia Barat dan Eurasia boleh menyumbang ke arah membentuk persekitaran maklumat yang lebih representatif

yang mencerminkan realiti kehidupan orang ramai.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarang Pertama Biro Eurasia Kumpulan Media China (CMG), Wang Delu, menegaskan perbezaan dalam budaya dan cara berfikir dalam kalangan rakyat negara berlainan boleh mewujudkan stereotaip palsu dan ketidakpercayaan dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi.

Beliau menekankan peranan media adalah untuk menghapuskan salah faham tersebut dengan bercerita tentang pelbagai negara, termasuk menerusi projek bersama.

"Masih terdapat kekurangan persefahaman antara negara kita dan terdapat jurang maklumat untuk khalayak kita.

"Sebagai profesional media antarabangsa, kita mesti sentiasa bertenang dan mencari titik persamaan. Kami sangat berterima kasih kepada TV BRICS kerana mencipta persekitaran yang selesa di mana kita boleh mencari tema

yang sama dan mula bekerjasama. Itu perkara yang paling penting," katanya.

Sergey Monin, Ketua Pejabat Koresponden Moscow di Brasil de Fato menekankan BRICS ialah contoh tulen pelbagai polariti, menyatukan negara-negara yang sangat berbeza dalam sejarah, budaya, bahasa dan iklim, namun terus terlibat dalam dialog dan kerjasama.

Menurutnya, pembangunan ruang maklumat bersama BRICS dan perkongsian media bukan lagi konsep abstrak tetapi realiti.

Sempena ulang tahun ke-20 BRICS, Rangkaian Media Antarabangsa TV BRICS melancarkan projek multimedia "Taklimat Media Global", menghimpunkan perspektif profesional rakan kongsi rangkaian dalam membentuk agenda berita global.

Kini, lebih 100 organisasi media dari lebih 33 negara menjalin kerjasama dengan TV BRICS. - ©BERNAMA

PROGRAM MASJIDKU CERIA SEMARAKKAN SAMBUTAN AWAL TAHUN BAHARU HIJRAH



KAMPUNG SUNGAI AKAR, Ahad, 21 Jun. - Masjid Rashidah Sa'adatulk Bolkiah, Kampung Sungai Akar menganjurkan Program Masjidku Ceria sempena Sambutan Awal Tahun Baharu 1448 Hijrah sejurus selepas menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah.

Hadir bagi sama-sama menyerikan lagi program tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Turut hadir, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penaung Bersama Masjid Rashidah Sa'adatulk Bolkiah, Penghulu Mukim Berakas, ketua-ketua kampung di kawasan berkenaan, jemaah serta penduduk Kampung Sungai Akar dan sekitarnya.

Program ini bertujuan untuk menyemarakkan pengimaran

masjid, memperkukuhkan ukhuwah dalam kalangan masyarakat setempat serta menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat.

Inisiatif seumpama ini selaras dengan usaha menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan rohani, sosial dan kemasyarakatan.

Program berkenaan dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Kuliah Khas yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin yang menyentuh mengenai penghayatan hijrah sebagai pemangkin perubahan diri, keluarga dan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih cemerlang dan diberkati.

Majlis diteruskan dengan acara berjalan kaki sejauh 1.66 kilometer di kawasan Kampung Sungai Akar dan diakhiri dengan acara sukan bebas seperti bola sepak, badminton dan bola jaring.

Selain mengukuhkan kefahaman agama, program ini



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan semasa hadir menyertai acara berjalan kaki pada Program Masjidku Ceria (kiri). Sementara gambar atas, antara yang menyertai program berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatulk Bolkiah

turut menyediakan aktiviti riadah dan sukan santai bagi menggalakkan amalan hidup sihat serta mengeratkan hubungan silaturahim sesama jemaah dan penduduk setempat.

Aktiviti komuniti yang berpusat di masjid ini terbukti mampu memperkukuhkan semangat kebersamaan dan penyertaan masyarakat dalam program kemasyarakatan.

Yakeen NC juara Yakin Netball Challenge 2026



YAKEEN NC dinobatkan sebagai juara pada perlawanan akhir Kejohanan Yakin Netball Challenge 2026 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Ahad, 21 Jun. - Yakeen NC menjuarai kejohanan Yakin Netball Challenge 2026 selepas berjaya menewaskan Crushers dengan jaringan 35 - 31 pada perlawanan akhir yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Yakeen NC berjaya membawa pulang trofi, pingat dan wang kemenangan berjumlah BND500, manakala Crushers berjaya memperoleh trofi, pingat dan wang kemenangan berjumlah BND300.

Sementara Netseeker dan Unified Netters pula berjaya menduduki tempat ketiga bersama-sama, dengan masing-masing membawa pulang trofi, pingat dan wang kemenangan berjumlah BND100.

Hadiah kemenangan disampaikan oleh tetamu kehormat majlis, isteri Duta Besar

Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Abel Guterres, iaitu Puan Ana Guterres.

Anugerah Most Valuable Player (MVP) telah diberikan kepada Dayang Siti Nornadzeirah binti Nordin daripada Yakeen NC.

Manakala pemain daripada Crushers, iaitu Dayang Nur Syamimi binti Abdul Wahab pula menerima Anugerah Best Shooter, sementara Best Defender diberikan kepada pemain Yakeen NC, iaitu Dayang Siti Norsaiyah binti Mohd. Adi Najmi.

Best Mid Court pula menjadi milik Dayang Nurshafirah Hazliyanie binti Pengiran Hashim daripada Crushers.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yakin Football League (YFL), Dayang Hernah Nur Imani

binti Muhd. Jeffery.

Sementara itu Pengerusi YFL, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang pula menyampaikan penghargaan kepada pengadil perlawanan dan pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan.

Manakala Pengurus Am YFL, Awangku Mohd. Adam Zikry Pengiran Zamri, selaku Pengerusi Kejohanan menyampaikan cenderamata kepada pereka lagu rasmi kejohanan, iaitu Pengiran Mohd. Sallehudin bin Pengiran Sarifudin.

Tetamu kehormat majlis seterusnya mengisytiharkan penutupan rasmi Kejohanan Yakin Netball Challenge 2026 pada akhir majlis.

Kejohanan Yakin Netball Challenge 2026 berkenaan adalah anjuran Yakin Sport dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam (Brunei Netball Association - BNA) buat julung kalinya.

Eratkan silaturahim melalui aktiviti riadah

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Serasa



AKTIVITI Riadah Berjalan Kaki yang diadakan di Taman Rekreasi Tanjung Batu, Muara bersempena Sambutan Awal Tahun Baharu 1448 Hijrah (atas). Manakala gambar bawah, antara penduduk kampung yang menyertai aktiviti berkenaan.

SERASA, Ahad, 21 Jun. - Seramai lebih kurang 250 penduduk Mukim Serasa telah berkumpul dan melakukan Aktiviti Riadah Berjalan Kaki bertempat di Taman Rekreasi Tanjung Batu, Muara bersempena Sambutan Awal Tahun Baharu 1448 Hijrah, pagi tadi.

Hadir pada acara tersebut ialah Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan. Turut hadir, Ketua-ketua Kampung di bawah tadahan Mukim Serasa, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan penduduk-penduduk terdiri daripada warga emas dan para belia dan beliawanis.

Aktiviti seumpama ini merupakan antara aktiviti bulanan yang dianjurkan oleh Ahli MPM Serasa bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan penduduk mukim di samping memupuk semangat perpaduan dan kerjasama menerusi penglibatan dalam aktiviti gaya hidup sihat.

Selain itu juga, bagi menyemarakkan Sambutan Ilal Hijrah serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan peristiwa hijrah dalam kehidupan umat Islam.





MENGALAKKAN AMALAN HIDUP SIHAT, MENGIMARAHKAN MASJID DENGAN AKTIVITI KEAGAMAAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; dan Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

KAMPUNG BENGKURONG, Ahad, 21 Jun. - Dalam menyambut kedatangan Tahun Baharu Hijrah, lebih 200 peserta pagi tadi menyertai Program Walkaton Minal Masjid Ilal Masjid anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Kilanas dan masjid-masjid di dalam Mukim Kilanas.

Walkaton sejauh kira-kira 3.2 kilometer itu bermula dari Masjid Kampung Bengkurong dan berakhir di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (MDRIPAD),

Mukim Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato

Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas; Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; Penghulu Mukim Kilanas

dan Ketua Kampung Tasek Meradun dan Kampung Bunut, Awang Ahmad Hussaini bin Haji Mohsin, ketua-ketua kampung, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan penduduk Mukim Kilanas.

Terdahulu, program yang berlangsung di Masjid Kampung Bengkurong dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Dakwah Islamiah, Awang Muhammad Nasyith bin Superi mengenai peristiwa hijrah dan pentingnya usaha dan berjemaah.

Beliau juga mengingatkan para jemaah untuk memelihara sembahyang fardu, menjaga Al-Quran, perbanyakkan zikir dan doa, menjaga pergaulan dan mendenda diri sendiri dengan kebaikan.

Acara diteruskan dengan sesi berjalan kaki bermula dari Masjid Kampung Bengkurong menuju ke MDRIPAD, Mukim Kilanas. Program kemudian diteruskan dengan Sembahyang Sunat Taubat dan Sembahyang Sunat Duha berserta selawat.

Tazkirah kedua disampaikan oleh Ketua Unit Pengurusan Strategik dan Jaminan Kualiti, Kolej Universiti Perguruan Ugama

Seri Begawan, Awang Haji Muhammad Khairul Azhar bin Idris yang antaranya mengongsikan tentang peristiwa hijrah dan pengajaran yang dapat diperoleh iaitu iman yang kukuh dapat memberikan keberanian untuk berubah.

Seterusnya, penyampaian hadiah disempurnakan oleh tetamu kehormat bagi Pertandingan Memanah antara Masjid-masjid Mukim Kilanas sempena Ilal Hijrah.

Juara acara berkumpulan dimenangi oleh Masjid Ar-Rahman dan juara bagi Acara Persendirian dimenangi oleh Ketua Kampung Kilanas dan Pemangku Ketua Kampung Jangsak, Awang Haji Mohd. Ameerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid. Aktiviti diakhiri dengan sesi menanam pokok-pokok buah di pekarangan MDRIPAD.

MPM Kilanas terdiri daripada lapan buah MPK dan enam buah masjid. Penganjuran program kali ketiga itu merupakan salah satu usaha untuk memperkukuh ukhuwah di kalangan penduduk khususnya Mukim Kilanas melalui aktiviti yang berteraskan nilai-nilai Islam. Di samping itu, ia juga menggalakkan amalan hidup sihat dan mengimarahkan masjid dengan aktiviti-aktiviti keagamaan dan berunsurkan alam sekitar.

Lebih 700 peserta meriahkan Kampungku Cergas



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin Haji Muhammad semasa hadir pada acara Berjalan Kaki, Berbasikal dan Berlari 'Kampungku Cergas' yang diadakan bersempena Hari Keluarga Kebangsaan, bertempat di Jalan Biliran @ Menara UNN RPN Kampung Lumut Kawasan 2.

tadi bertempat di Jalan Biliran @Menara UNN RPN Kampung Lumut Kawasan 2, di sini.

Anjuran dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait dan Brunei Shell Recreation Club (BSRC) melalui BSRC dan Team Lumut Project telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan menyaksikan seramai lebih 700 peserta.

Acara ini juga disokong oleh Pasukan Polis Diraja Brunei, Batalion Ketiga Lumut Kem ABDB, Pasukan Bomba dan Penyelamat dan Pasukan Bulan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

Sabit Merah. Pelancaran acara berkenaan disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin Haji Muhammad.

Antara tujuan utama acara ini diadakan adalah untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan penduduk Mukim Liang khususnya dan penduduk di Daerah ini.

Ia juga diharap dapat mewujudkan hubungan silaturahim serta semangat kemasyarakatan antara penduduk kampung, penghulu, ketua kampung, agensi kerajaan, pihak swasta dan peserta yang terlibat dan memperkenalkan Mukim Liang khususnya penduduk di sekitarnya sebagai lokasi yang sesuai untuk aktiviti rekreasi, sukan komuniti dan

pelancongan tempatan.

Selain itu juga memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai laluan alternatif berbasikal di kawasan RPN Kampung Lumut yang lebih selamat, teratur dan sesuai digunakan oleh pengguna basikal serta aktiviti riadah keluarga.

Format acara adalah sama seperti Bandarku Ceria iaitu para peserta berjalan, berbasikal dan berlari dengan menggunakan laluan alternatif yang telah disediakan bermula pukul 7.00 pagi hingga 9.30 pagi.

Laluan yang digunakan bermula dari Jalan Baliran melalui pusing keliling Semperiding sepanjang 3 km menuju ke pusing keliling laluan belakang sepanjang 3 km ke Jalan Baliran kemudian berbalik semula di tempat bermula.

LUMUT, Ahad, 21 Jun. - Acara Berjalan Kaki, Berbasikal dan Berlari 'Kampungku Cergas' anjuran Rancangan Perumahan

Negara (RPN) Kampung Lumut Kawasan 1, 2 dan 3 bersempena dengan Hari Keluarga Kebangsaan telah diadakan pagi

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU; BAHASA JIWA BANGSA